Pendakwa Raya lwn Md Masud Rana bin Md Mofiz dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–36 (48–53) TAHUN 2002
AZAHAR MOHAMED H
20 JANUARY 2008

Keterangan — Pernyataan — Pernyataan beramaran — Kebolehterimaan — Kesukarelaan — Sama ada tertuduh fasih bertutur Bahasa Malaysia — Sama ada tertuduh memahami pernyataan amaran dibaca pegawai penyiasat — Sama ada mahkamah mempertimbang kewarasan tertuduh memberi keterangan — Kanun Keseksaan s 84

Keterangan — Pernyataan — Sama ada pernyataan daripada salah seorang tertuduh boleh mengaitkan rakan tertuduh — Kanun Keseksaan ss 30 & 34

Tertuduh pertama dan kedua bersama-sama dihadapkan di mahkamah majistret pada 13 Ogos 2001 atas pertuduhan bersama-sama melakukan tujuh kesalahan di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('KK') dibaca bersama s 34 KK, membunuh tujuh orang. Pendakwaan bertulis terhadap tertuduh pertama dan kedua dibuat seperti terkandung dalam s 177A(1) Kanun Prosedur Jenayah ('KPJ') dan seterusnya mengikut s 177(2) KPJ kes tersebut dipindahkan ke Mahkamah Tinggi. Kesemua tujuh pertuduhan terhadap tertuduh-tertuduh dibicarakan serentak. Tiada pertikaian timbul berhubung dengan identiti mangsa-mangsa pembunuhan tersebut. Pakar patologi forensik telah menjalankan post mortem ke atas semua mangsa dan menyatakan, antara lain, kecederaan luka potong pada leher semua mangsa tersebut menyebabkan bekalan darah ke otak bagi mangsa-mangsa tersebut terputus. Justeru, mengakibatkan kematian semua mangsa tersebut. Menurut testimoni seorang pegawai penyiasat satu pernyataan beramaran tertuduh pertama dan tertuduh kedua direkodkan mengikut s 113 KPJ. Berdasarkan semua keterangan daripada pegawai penyiasat, pakar patologi forensik dan pengakuan salah pernyataan beramaran tertuduh pertama, kecederaan yang dialami oleh semua mangsa adalah disebabkan oleh perbuatan tertuduh pertama dan kedua. Seterusnya kedua-dua tertuduh didapati mempunyai niat yang sama mengakibatkan kematian mangsa-mangsa tersebut. Walau bagaimanapun, tertuduh pertama dan tertuduh kedua mencabar kebolehterimaan pernyataan beramaran masing-masing atas alasan pernyataan-pernyataan beramaran tersebut tidak dibuat secara sukarela.

Peguam tertuduh pertama menyatakan bahawa tertuduh pertama yang membuat kenyataan dari kandang, tidak dapat menjawab soalan-soalan secara koheren dan kemungkinan besar menghadapi tekanan jiwa. Lanjutan itu, peguam tertuduh pertama memohon agar tertuduh pertama dihantar ke hospital bagi pemeriksaan psikiatri. Seterusnya, peguam tertuduh pertama membangkitkan Pengecualian 4 s 300 KK dengan menghujah bahawa tertuduh pertama tidak merancang pembunuhan mangsa-mangsa tersebut. Manakala, tertuduh kedua dalam keterangannya menyatakan bahawa pernyataan beramaran telah diberikan di bawah hal keadaan yang menindas disebabkan kecederaan mata yang dialami. Pendakwaan tidak mengemukakan keterangan lain kecuali pengakuan salah tertuduh pertama membabitkan tertuduh kedua.

Diputuskan, menghukum tertuduh pertama dengan hukuman mati:

(1) Semasa disoal siasat tertuduh pertama telah membaca butir-butir peribadinya dan mengesahkan tertuduh pertama memahami apa yang tercatit berkaitan butir-butir peribadinya maka, tertuduh tidak ada masalah bertutur dengan baik dan membaca dalam Bahasa Malaysia sebagaimana tertuduh pertama memberi keterangan secara bersumpah menyatakan dia telah belajar Bahasa Malaysia selama dua tahun sejak mula bekerja di sebuah kilang di Malaysia (lihat perenggan 20–21).

(2) Seterusnya, rekod prosiding tidak menunjukkan bahawa tertuduh pertama telah membuat aduan, dia dipaksa, dipujuk, dipukul, didorong, ataupun dijanjikan sesuatu sekiranya dia memberi pernyataan, di mahkamah majistret pada 13 Ogos 2001 semasa tertuduh pertama ditahan oleh pihak polis (lihat perenggan 27).

(3) Sehubungan dengan itu, sebelum pernyataan tertuduh pertama diambil, pegawai penyiasat telah membaca pernyataan beramaran sebagaimana yang dikehendaki di bawah s 113 KPJ dan penerangan berkaitan amaran tersebut diberikan dan difahami tertuduh pertama tersebut. Oleh itu, pernyataan beramaran tertuduh pertama diterima atas alasan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan melampaui keraguan munasabah bahawa ianya dibuat secara sukarela dalam erti kata ia tidak diperolehi secara paksa, ugutan, dorongan, janji atau penindasan (lihat perenggan 32–33).

(4) Justeru, keterangan pengakuan salah tertuduh pertama dengan jelas menunjukkan bahawa pembunuhan ke atas ketujuh-tujuh mangsa adalah disebabkan perbuatan yang disengajakan oleh tertuduh pertama maka pihak pendakwaan di peringkat penutupan kes pendakwaan telah berjaya mewujudkan suatu kes prima facie terhadap tertuduh pertama bagi ketujuh-tujuh kesalahan yang dikenakan (lihat perenggan 47–48).

(5) Selain daripada pernyataan salah tertuduh dan keterangan saksi-saksi pendakwaan, tiada keterangan yang menjurus dan mengaitkan tertuduh kedua dengan kejadian pembunuhan mangsa-mangsa tersebut. Walau bagaimanapun, berikutan s 30 KK dan *Juraimi Husin v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 537; [1998] 2 CLJ 383; [1998] 1 AMR 758, pernyataan salah tertuduh pertama tidak boleh digunakan untuk mengaitkan tertuduh kedua dengan ketujuh-tujuh pertuduhan tersebut. Oleh itu pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh kedua bagi semua pertuduhan dan dengan demikian tertuduh kedua dilepaskan dan dibebaskan atas semua pertuduhan tersebut tanpa dipanggil untuk membela diri (lihat perenggan 58–59).

(6) Persoalan sama ada suatu pembelaan hilang akal berjaya dikemukakan atau tidak adalah suatu perkara untuk pertimbangan dan diputuskan oleh mahkamah. Tiada keterangan menyokong hujah peguam tertuduh pertama membolehkan tertuduh pertama dibebaskan daripada tuduhan membunuh atas alasan hilang akal di bawah s 84 KK. Seterusnya, tiada keterangan pakar perubatan bahawa pada waktu material tertuduh pertama menghidap sebarang penyakit yang menyebabkan dia tidak mengetahui bahawa apa yang dilakukannya adalah salah di sisi undang-undang (lihat perenggan 82).

(7) Melihat kepada kecederaan yang dialami oleh semua mangsa, tertuduh pertama telah mengambil peluang yang tidak berpatutan dan telah bertindak secara kejam serta luar biasa. Oleh itu, tertuduh pertama tidak berhak kepada pembelaan di bawah Pengecualian 4 s 300 KK (lihat perenggan 84).

[English summary

The first and second accused were both brought before the magistrates' court on 13 August 2001 on a joint charge for the commission of seven offences under s 302 of the Penal Code ('the Code') read together with s 34 of the Code, for the murder of seven people. The written charge against the first and second accused was made as pursuant to s 177A(1) of the Criminal Procedure Code ('CPC') and subsequently in accordance to s 177(2) of the CPC the case was transferred to the High Court. All seven charges against the accused persons were heard together. There was no dispute in relation to the identity of the murder victims. The forensic pathologist expert had conducted a post mortem on all the victims and stated, inter alia, a cut wound injury on all the victims' neck which caused the blood flow to the victims' brain to stop. Hence, the cause of death of all the victims. According to the testimony of the investigating officer, a cautioned statement of the first and the second accused was recorded in accordance to s 113 of the CPC. Based on all the

evidence from the investigating officer, the forensic pathologist expert and the plea of guilt to the first accused person's cautioned statement, the injury suffered by all the victims were caused by the first and second accused persons' conduct. Further it was found that the two accused had a common intention to cause the death of the victims. However, the first and the second accused challenged the admissibility of their respective cautioned statements on the ground that the cautioned statements were not made voluntarily. Counsel for the first accused submitted that the first accused made the statement from the dock, could not answer the questions coherently and most likely suffered stress. Further, counsel for the first accused requested that the first accused be sent to the hospital for psychiatric examination. Therefore, counsel for the first accused raised Exception 4 of s 300 of the Code and submitted that the first accused had not planned for the death of the victims. Whilst, the second accused in his testimony stated that the cautioned statement was given in an oppressive manner which caused the eye injury he suffered. The prosecution did not raise another evidence except for the first accused person's plea of guilt involving the second accused.

Held, sentencing the first accused with death sentence:

(1) During the inquiry the first accused had read his personal details and confirmed that he understood what was written of his personal details thus, the accused had no problem in communicating well and reading in Bahasa Malaysia as the first accused had given evidence on oath stating that he had learnt Bahasa Malaysia for two years since working in a factory in Malaysia (see paras 20–21).

(2) Further, the record of proceedings did not show that the first accused had made a complaint, he was forced, coaxed, beaten, influenced, or promised something if he gave statement, in the magistrates' court on 13 August 2001 when the first accused was detained by the police (see para 27).

(3) In this regard, before the first accused's statement was taken, the investigating officer had read the cautioned statement as required under s 113 of the CPC and the explanation in relation to the caution was given and understood by the first accused. Therefore, the cautioned statement of the first accused was admitted on the ground that the prosecution had established beyond reasonable doubt that it was given voluntarily in other words it was not obtained by force, threat, influence, promise or oppression (see paras 32–33).

(4) Hence, the testimony of the first accused's plea of guilt clearly showed that the murder of all seven victims was caused by the voluntary act of the first accused and therefore the prosecution at the close of the

prosecution's case had successfully established a prima facie case against the first accused for all the seven offences charged (see paras 47–48).

(5) Apart from the accused's plea of guilt and the evidence of the prosecution's witnesses, there was no evidence which pointed towards and linked the second accused with the murder of the victims. However, by virtue of s 30 of the Code and *Juraimi Husin v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 537; [1998] 2 CLJ 383; [1998] 1 AMR 758, the first accused's plea of guilt could not be applied to link the second accused to the seven murders. Therefore the prosecution had failed to established a prima facie case against the second accused for all the charges and hence the second accused was acquitted and released on all charges without calling for defence (see paras 58–59).

(6) The question as to whether a defence of insanity was successfully raised or not was a matter to be considered and decided by the court. There was no evidence that corroborated the submission of the first accused's counsel which could enable the first accused to be acquitted from the murder charge on grounds of insanity under s 84 of the Code. Further, there was no evidence of the medical expert that at the material time the first accused suffered any sickness that caused him not to have knowledge that what he was doing was against the law (see para 82).

(7) Based on the injury suffered by all the victims, the first accused had taken an improper opportunity and acted in a cruel and unusual manner. Therefore, the first accused had no right to defence under Exception 4 of s 300 of the Code (see para 84).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pernyataan beramaran, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) perenggan 2385–2402.

Untuk kes-kes mengenai pernyataan secara umum, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) perenggan 2295–2539.

Kes-kes yang dirujuk

Choong Oi Choo v PP [1986] 2 CLJ 231, MT (dirujuk)

Dowse v Attorney-General, Federation of Malaya [1961] MLJ 249, PC (dirujuk)

Francis Antonysamy v PP [2005] 2 AMR 750, MP (dirujuk)

Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v PP [1983] 2 MLJ 232, MP (dirujuk)

Tan Too Kia v PP [1980] 2 MLJ 187, MP (dirujuk)

Juraimi bin Husin v PP [1998] 1 MLJ 537; [1998] 2 CLJ 383; [1998] 1 AMR 758, MR (dirujuk)

Jusoh v PP [1963] MLJ 84, MR (dirujuk)

Mat v PP [1963] MLJ 263, MT (dirujuk)

Osman & Anor v PP [1967] 1 MLJ 137, MP (dirujuk)

PP v Alang Mat Nasir bin Anjang Talib [1938] MLJ 153, MT (dirujuk)
PP v Jamali bin Adnan [1986] 1 MLJ 162, MA (dirujuk)
PP v Kalaiselvan [2001] 2 MLJ 157, MT (dirujuk)
PP v Law Say Seck & Ors [1971] 1 MLJ 199, MT (dirujuk)
PP v Phon Nam [1988] 3 MLJ 415, MA (dirujuk)
PP v Puteh Nordin & Anor [1983] 2 MLJ 292, MT (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (dirujuk)
PP v Zainal Abidin bin Mohd Zaid [1993] 1 CLJ 147, MT (dirujuk)
Phon Nam v PP [1991] 2 MLJ 550, MA (dirujuk)
R v Priestly (1967) 51 Cr App R 1 (dirujuk)
Syed Ali bin Syed Abdul Hamid & Anor v PP [1982] 1 MLJ 132; [1982] CLJ 188, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 17(2), 30, 114(g)
Kanun Keseksaan ss 34, 84, 300, 300 Pengecualian 4, 302
Kanun Prosedur Jenayah ss 113, 113(1)(a)(ii), 177A(1), (2), 342, 342(1), (2), 343, 343(1), 425

S Vijayaretnam @ Veizay (K Sila Dass & Partners) bagi pihak tertuduh pertama.
Norman Joseph Fernandez (Ashekin, Norman Fernandez) bagi pihak tertuduh kedua.
Abdul Rasid bin Sudin (Mohd Nordin bin Ismail bersamanya) (Timbalan Pendakwaraya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.

Azahar Mohamed H:

[1] Rumah No 8, Jalan Bakawali 21, Taman Johor Jaya, Johor Bahru, Johor adalah sebuah rumah biasa jenis teres satu tingkat. Pada lebih kurang jam 8 malam, 28 Mei 2001, sesuatu luar biasa yang menggemparkan dan tragis telah disedari berlaku dalam rumah tersebut. Tujuh orang penghuninya, iaitu dua orang lelaki dan lima orang perempuan ditemui mati. Mereka ditemui mati dibunuh dengan kejam. Dua mayat lelaki ditemui di ruang tamu; dua mayat perempuan di atas lantai di sebuah bilik tidur; dua mayat perempuan di ruang dapur dan satu mayat perempuan di atas katil di bilik belakang. Semua mayat yang ditemui itu mengalami kesan-kesan luka potong dan tikaman yang teruk pada bahagian tengkok, leher dan anggota badan yang lain. Ketujuh-tujuh si mati masing-masing mempunyai pertalian kekeluargaan antara satu sama lain. Nama-nama si mati adalah seperti berikut:

(a) Mangala Gowri a/p Kathiravalu;

(b) Munaindi a/l Supiah;

(c) Vasagi a/p Balakrishnan;

(d) Suppiah Amudavalli a/p Suppiah;

(e) S Perumal a/l S Suppiah;

(f) Letchimee a/p S Suppiah; dan

(g) Ramaiee a/p Suppiah.

[2] Pihak polis dengan serta merta melancarkan suatu operasi dan siasatan yang intensif dan rapi yang melibatkan ramai pegawai dan anggota polis. Mereka bertindak pantas. Mereka berjaya. Tidak lama selepas itu, dua orang warganegara Bangladesh iaitu Md Masud Rana bin Md Mofiz ('tertuduh pertama') dan Razaul Karim bin Md Soleman ('tertuduh kedua') telah ditangkap. Tertuduh pertama ditangkap pada 30 Julai 2001, manakala tertuduh kedua ditangkap pada 3 Ogos 2001. Kemudiannya, pada 13 Ogos 2001 kedua-dua mereka dibawa di hadapan seorang majistret untuk dituduh bersama-sama melakukan tujuh kesalahan di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun') dibaca bersama dengan s 34 Kanun yang sama kerana membunuh seramai tujuh orang pada 28 Julai 2001 antara jam 1.47 pagi dan 7.37 pagi di rumah No 8, Jalan Bakawali 21, Taman Johor Jaya, Johor. Pada 23 Mei 2002, pendakwa raya telah mengizinkan secara bertulis pendakwaan terhadap tertuduh pertama dan tertuduh kedua di bawah s 177A(1) Kanun Prosedur Jenayah ('KPJ'). Seterusnya, sejajar dengan peruntukan s 177A(2) KPJ, majistret yang berkenaan telah memindahkan kes ke Mahkamah Tinggi bagi tertuduh pertama dan tertuduh kedua dibicarakan oleh mahkamah itu.

[3] Kesemua tujuh pertuduhan (P2, P4, P6, P8, P10, P12 dan P14) terhadap tertuduh pertama dan tertuduh kedua telah dibicarakan serentak. Butir-butir pertuduhan pertama (P2) adalah sama bagi enam pertuduhan yang lain, kecuali nama-nama mangsa. Untuk kemudahan rujukan, diperturunkan di bawah ini pertuduhan P2 sahaja yang berbunyi:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 28 Julai 2001, jam lebih kurang 1.41 pagi hingga 7.43 pagi, di rumah No. 8, Jalan Bakawali 21, Taman Johor Jaya, dalam daerah Johor Bahru, dalam Negeri Johor Darul Takzim, bagi mencapai niat bersama, telah melakukan pembunuhan dengan menyebabkan kematian MANGALA GOWRI A/P KATHIRAVALU, K/P NO: 591018–01–5102 dan dengan ini telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama dengan Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[4] Seksyen 302 Kanun memperuntukkan hukuman bagi kesalahan membunuh orang. Manakala elemen-elemen kesalahan membunuh orang dinyatakan dalam s 300 Kanun seperti yang berikut:

Except in the cases hereinafter excepted, culpable homicide is murder, if the act by which the death is caused is done with the intention of causing death, or

Secondly — If it is done with the intention of causing such bodily injury as the offender knows to be likely to cause the death of the person to whom the harm is caused, or

Thirdly — If it is done with the intention of causing bodily injury to any person, and the bodily injury intended to be inflicted is sufficient in the ordinary course of nature to cause death, or

Fourthly — If the person committing the act knows that it is imminently dangerous that it must in all probability cause death, or such bodily injury as is likely to cause death, and commits such act without any excuse for incurring the risk of causing death, or such injury as aforesaid.

[5] Untuk membuktikan kes prima facie di bawah s 302 Kanun, pihak pendakwa mestilah membuktikan semua elemen penting yang berikut:

(a) si mati telah meninggal dunia dan kematian akibat daripada kecederaan yang dialaminya;

(b) kematian si mati disebabkan oleh perbuatan tertuduh;

(c)

(i) tindakan tertuduh yang menyebabkan kematian si mati itu dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kematian, atau

(ii) tindakan tertuduh itu dibuat dengan niat untuk menyebabkan kecederaan tubuh badan si mati sebagaimana yang diketahui oleh tertuduh berkemungkinan menyebabkan kematian si mati yang dikenakan kecederaan itu, atau

(iii) tindakan tertuduh dibuat dengan niat untuk menyebabkan kecederaan tubuh badan si mati dan kecederaan tubuh badan itu adalah mencukupi dalam keadaan biasa untuk menyebabkan kematian, atau

(iv) tertuduh mengetahui bahawa perbuatannya adalah sangat ketara merbahaya sehinggakan ia berkemungkinan akan menyebabkan kematian, dan tertuduh melakukan tindakan tersebut tanpa sebarang alasan untuk mengambil risiko menyebabkan kematian atau kecederaan seperti yang dinyatakan.

[6] Sebelum saya menyentuh semua elemen ini, saya ingin merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457 di mana Mahkamah Persekutuan telah menjelaskan bagaimana sesuatu kes prima facie ditentukan, iaitu seperti yang berikut:

For the guidance of the courts below, we summarise as follows the steps that should be taken by a trial court at the close of the prosecution's case:

(i) the close of the prosecution's case, subject the evidence led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinise the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from that evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;

(ii) ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is 'Yes', then a prima facie case has been made out and the defence should be called. If the answer is 'No', then a prima facie case has not been made out and the accused should be acquitted;

(iii) after the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict;

(iv) after defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263.

[7] Berbalik kepada kes di hadapan saya, tentang elemen pertama, pihak pendakwa telah memanggil beberapa orang saksi. Menurut Harichandran a/l Balakrishnan ('SP15'), yang mempunyai tali persaudaraan dengan kesemua mangsa, pada petang 28 Julai 2001 beliau telah pergi ke rumah tempat kejadian setelah diberitahu oleh seorang jiran bahawa rumah tersebut berada dalam keadaan kegelapan. Setibanya di situ, beliau mendapati pintu pagar hadapan berkunci. Beliau telah membuka pintu pagar tersebut kerana memiliki kuncinya. Apabila SP15 masuk ke perkarangan rumah, beliau mendapati pintu rumah dalam keadaan bermangga. SP15 telah memanggil ahli keluarganya beberapa kali tetapi tiada jawapan. SP15 tidak memiliki kuncinya lalu beliau mencabut dua keping cermin tingkap hadapan dan beliau nampak terdapat dua mayat di ruang tamu rumah tersebut.

[8] Beliau juga telah masuk ke dalam rumah tersebut bersama pegawai-pegawai polis dan mengesahkan identiti mangsa-mangsa seperti yang dinyatakan di atas. Cif Inspektor Mohd Zunaidi Nahrib bin Abdullah ('SP25'), adalah antara pegawai polis yang mula-mula sampai di tempat kejadian, pada 28 Julai 2001 setelah mendapat maklumat tentang kejadian pembunuhan tersebut. SP25 bersama anggotanya telah memecah pintu gril dan pintu depan rumah tempat kejadian untuk masuk ke dalam dan seterusnya mendapati mayat-mayat mangsa dalam rumah tersebut terbaring di beberapa tempat. Det L/Kpl Salbiah bt Mohamed ('SP3'), jurugambar yang berada bersama-sama pasukan polis di tempat kejadian pada 29 Julai

2001 telah mengambil gambar-gambar kedudukan mayat-mayat mangsa dalam rumah tempat kejadian. Kesemua saksi-saksi ini mengesahkan bahawa mangsa-mangsa telah didapati mati. Tiada pertikaian timbul berhubung dengan identiti-identiti mayat mangsa yang terlibat dalam kes pembunuhan ini.

[9] Dr Shahidan bin Md Noor ('SP6'), pakar patologi forensik telah menjalankan post mortem ke atas semua mayat pada 30 Julai 2001. Berdasarkan kepada keterangan SP6, punca atau sebab kematian adalah seperti berikut:

(a) Mangala Gowri a/p Kathiravalu — luka potong di leher (incised wound on the neck);

(b) Muniandi a/l Supiah — luka potong di leher (incised wound on the neck);

(c) Vasagi a/p Balakrishnan — luka potong di leher (incised wound on the neck);

(d) Suppiah Amudavalli a/p Suppiah — luka potong di leher (incised wound on the neck);

(e) S Perumal a/l S Suppan — luka potong di leher dan luka tikaman di badan (incised wound on the neck and stab wound on the abdomen);

(f) Letchimee a/p S Suppah — luka potong di leher (incised wound on the neck); dan

(g) Ramaiee a/p Suppiah — luka potong di leher (incised wound on the neck).

[10] Menurut keterangan SP6, luka potong yang dialami mangsa-mangsa boleh disebabkan oleh sesuatu alat yang mempunyai tepian yang boleh memotong dan pada masa yang sama mungkin mempunyai hujung yang tajam yang boleh menusuk. Alat ini merupakan alat yang biasa digunakan seperti pisau dan seumpamanya. SP6 selanjutnya memberi keterangan bahawa terdapat mangsa yang mempunyai luka potong di tangan yang bersifat *defensive*. Berdasarkan kepada keterangan SP6, kecuali mangsa bernama Muniandi a/l Suppiah, kebanyakan mangsa-mangsa mengalami lebih daripada enam kecederaan luka potong. Mangsa Muniandi a/l Suppiah hanya mengalami satu kesan luka potong di bahagian belakang kiri lehernya. Kesan-kesan kecederaan mangsa-mangsa yang cukup mengerikan dapat dilihat digambar-gambar yang diambil di tempat kejadian iaitu eksh P106(A) hingga (Y) dan juga gambar-gambar mayat mangsa-mangsa semasa dibedah siasat iaitu eksh P108(1) hingga (36). SP6 menyatakan dalam keterangannya bahawa dengan kecederaan-kecederaan yang dialami yang mana bahagian arteri terputus, bekalan darah ke otak juga terputus dan seseorang mangsa itu

A boleh mati dalam tempoh yang singkat. Dalam hal mangsa-mangsa yang terlibat ini, SP6 juga menyatakan kesemua mereka boleh mati dalam tempoh kurang dari satu jam.

B **[11]** Berdasarkan alasan yang telah saya huraikan di atas, saya mendapati bahawa kesemua mangsa yang dinyatakan dalam setiap pertuduhan meninggal dunia akibat daripada kecederaan yang dialami.

C **[12]** Kini, saya beralih untuk menyentuh elemen yang seterusnya yang menjadi isu yang penting sekali iaitu, sama ada kecederaan semua mangsa tersebut telah disebabkan oleh, atau adalah hasil daripada perbuatan tertuduh pertama dan tertuduh kedua.

D **[13]** Untuk kemudahan, saya akan membincangkan keterangan terhadap tertuduh pertama dahulu. Semasa memberi keterangan dalam perbicaraan utama, DSP Zainal Rashid bin Hj Abu Bakar ('SP29'), pegawai penyiasat kes ini dalam testimoninya menyatakan bahawa satu pernyataan beramaran tertuduh pertama ('ID101A') di bawah s 113 KPJ telah direkodkan oleh ASP Yap Toon Khuan. Dalam konteks kes ini, s 113, antara lain, menyatakan bahawa apa-apa pernyataan tertuduh pertama, sama ada pernyataan itu berupa pengakuan salah, dibuat semasa penyiasatan polis boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya dengan syarat bahawa pernyataan itu tidak pada pandangan mahkamah disebabkan oleh dorongan, ugutan atau perjanjian yang ada berkaitan dengan tuduhan terhadap tertuduh pertama. Mahkamah juga mesti berpuas hati bahawa amaran sepertimana yang dinyatakan dalam s 113(1)(a)(ii) telah diberi kepada tertuduh pertama sebelum pernyataan tersebut direkodkan oleh pegawai polis yang berkenaan.

G **[14]** Memandangkan tertuduh pertama telah mencabar kebolehterimaan ID101A atas alasan bahawa pernyataan beramaran tersebut tidak di buat secara sukarela, maka satu perbicaraan dalam perbicaraan telah dilangsungkan yang bertujuan untuk menentukan sama ada ID101A itu boleh diterima atau tidak. Di sepanjang perbicaraan dalam perbicaraan, pihak pendakwa telah memanggil seramai empat orang saksi iaitu ASP Yap Toon Khuan ('TSP1'), Cif Inspektor Shamsuddin bin Mohamad ('TSP2'), DSP Zainal Rashid bin Hj Abu Bakar ('TSP3') dan En Ahmad Subri bin Hassan ('TSP4'). Selepas pihak pendakwa menutup kes di akhir kes pendakwaan dalam perbicaraan dalam perbicaraan, peguam tertuduh pertama memaklumkan bahawa tertuduh pertama ('TSD1') mengambil pendirian untuk terus memberi keterangan secara bersumpah.

[15] Pada hemat saya, berdasarkan semua keterangan yang dikemukakan serta penghujahan peguam tertuduh pertama, terdapat tiga isu yang

ditimbulkan untuk dipertimbangkan oleh mahkamah dalam menentukan kebolehterimaan ID101A, iaitu: A

(a) sama ada TSD1 fasih dalam Bahasa Malaysia;

(b) sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan hingga melampaui keraguan yang munasabah bahawa ID101A telah dibuat secara sukarela; dan B

(c) sama ada ID101A telah diberikan oleh tertuduh pertama di bawah hal keadaan yang menindas (oppressive circumstances).

C

[16] Mula-mula sekali saya akan membincangkan mengenai isu pertama iaitu sama ada tertuduh pertama fasih dalam Bahasa Malaysia. Saya sedar bahawa adalah penting bagi pihak pendakwa membuktikan bahawa tertuduh pertama fasih dalam Bahasa Malaysia kerana ID101A telah direkodkan dalam bahasa tersebut oleh TSP1. Dalam hubungan ini, saya ingin merujuk kepada kes *Tan Too Kia v Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 187 di mana mengenai penggunaan bahasa, Suffian KH menyatakan di ms 188 seperti berikut: D

> Nevertheless, we would observe that generally speaking it is desirable that a suspect be interrogated in a language in which he is at home but we would not go further by saying that if his mother tongue is Teochew he must be interrogated only in Teochew, and that if he is not, his statement is necessarily inadmissible. To do so would unnecessarily tie up the hands of the police in remote parts of the country, such as Ulu Kelantan or Upper Perak. This is a multi-racial and multi-lingual country, and we cannot shut our eyes to the fact that many Malaysians have not one, but two, mother tongues, and while they are master of no particular language, yet converse easily in several languages for every day purposes. This is especially so among the Chinese, for many of them understand at least two Chinese dialects. What is important is that a person interrogated should understand the language used by the interrogator. In most cases a suspect is not being asked about concepts and abstract ideas, to express which he needs to be questioned and to speak in a language he is most at home in; but about events and concrete things.

E F G

[17] Di dalam kes *Public Prosecutor v Jamali bin Adnan* [1986] 1 MLJ 162, Shankar H telah menolak permohonan untuk mengecualikan pernyataan tertuduh memandangkan ianya tidak dirakamkan di dalam bahasa yang ditutur oleh tertuduh dalam Bahasa Malaysia. Hakim Yang Arif telah berkata apa yang penting ialah sama ada pernyataan beramaran benar-benar menunjukkan apa yang dinyatakan oleh tertuduh kepada pegawai perakam. H

[18] Keterangan menunjukkan bahawa tertuduh pertama adalah seorang pekerja yang berasal dari Bangladesh. Menurut TSPl sebelum pernyataan ID101A direkodkan beliau telah berbual dengan tertuduh pertama dalam Bahasa Malaysia. Beliau mendapati bahawa tertuduh pertama faham soalan yang dikemukakan kepadanya dalam Bahasa Malaysia dan tertuduh juga I

boleh menjawab dengan fasih dalam Bahasa Malaysia. Daripada perbualan awal dengan tertuduh pertama, TSP1 tidak menghadapi apa-apa masalah berkomunikasi dengan tertuduh pertama dalam Bahasa Malaysia. Dan seterusnya TSP1 telah memberi amaran sebagaimana yang dikehendaki oleh s 113 KPJ dalam Bahasa Malaysia dan merakamkan pernyataan tertuduh pertama dalam Bahasa Malaysia.

[19] Pihak pendakwa juga telah memanggil seorang saksi awam iaitu TSP4. TSP4 bekerja sebagai penyelia stor di Syarikat Solid Plus Sdn Bhd di mana tertuduh pertama bekerja sebagai pembantunya. Menurut TSP4, tertuduh pertama mula bekerja di kilang tersebut pada tahun 1994 atau 1995. TSP4 menyatakan bahawa dalam menjalankan tugasnya sebagai penyelia stor beliau berkomunikasi dengan tertuduh pertama dalam Bahasa Malaysia. Segala arahan kerja kepada tertuduh pertama diberikan oleh TSP4 dalam Bahasa Malaysia. Menurut TSP4 lagi, tertuduh pertama memahami semua arahan yang diberikan olehnya dalam Bahasa Malaysia. Mengikut pengetahuan TSP4, tertuduh pertama boleh membaca arahannya secara bertulis dalam Bahasa Malaysia dan beliau juga menyatakan bahawa beliau pernah dengar dan nampak tertuduh pertama berbual dengan pekerja lain dalam Bahasa Malaysia. Menurut TSP4 lagi, beliau berkomunikasi dengan tertuduh pertama dalam Bahasa Malaysia yang mudah sebagaimana yang TSP4 tuturkan di mahkamah ini sewaktu memberi keterangan.

[20] Tertuduh pertama pula dalam keterangannya secara bersumpah menyatakan bahawa dia telah belajar Bahasa Malaysia selama dua tahun mulai dari mula-mula bekerja di kilang Syarikat Solid Plus. Sewaktu disoal balas oleh TPR, tertuduh pertama telah menyatakan bahawa Syarikat Solid Plus menerimanya bekerja setelah syarikat mendapati dia fasih dalam Bahasa Malaysia. Menurut tertuduh pertama setelah dia diberi latihan dalam Bahasa Malaysia dan selalu bercakap dengan pekerja lain dalam bahasa tersebut, dia mula meminati Bahasa Malaysia dan seterusnya dia boleh bertuturnya dan faham dengan baik. Malahan, tertuduh pertama mengakui bahawa dia tidak mempunyai apa-apa masalah untuk memahami dan mematuhi segala arahan yang diberikan oleh TSP4 dalam Bahasa Malaysia bagi menjalankan tugasnya di Syarikat Solid Plus. Menurut tertuduh pertama lagi, sekiranya sesuatu arahan tidak difahami dia akan bertanya kepada TSP4 dalam Bahasa Malaysia. TSP4 akan menerangkan dan menjelaskan apa-apa yang dia tidak faham itu dalam Bahasa Malaysia. Setelah TSP4 menjelaskan dalam Bahasa Malaysia, dia faham semua arahan tersebut. Sewaktu disoal balas oleh TPR tertuduh pertama telah ditunjukkan pada ms 1 ID101A mengenai butir-butir peribadinya. Tertuduh pertama telah membaca butir-butir tersebut sebagaimana yang diminta oleh TPR dan dia mengesahkan setelah membaca butir-butir tersebut dalam Bahasa Malaysia dia faham apa yang dicatitkan berkaitan dengan butir-butir peribadinya. Tertuduh pertama mengesahkan

seterusnya bahawa butir-butir peribadi yang dicatitkan itu adalah butir-butir yang dia sendiri berikan kepada pihak polis pada masa ID101A dirakamkan.

[21] Setelah saya menimbangkan semua keterangan di atas, saya tidak mempunyai apa-apa keraguan bahawa sungguhpun Bahasa Malaysia bukannya bahasa ibunda tertuduh pertama, namun dia fasih dalam bahasa tersebut. Saya mendapati tertuduh pertama boleh bertutur dengan baik serta juga boleh membaca dalam Bahasa Malaysia sebagaimana dia sendiri mengakui sewaktu memberi keterangan.

[22] Kini saya beralih kepada isu kedua iaitu sama ada pihak pendakwa telah membuktikan sehingga melampaui keraguan yang munasabah bahawa ID101A telah dibuat secara sukarela. Undang-undang menetapkan bahawa tidak ada pernyataan oleh tertuduh di bawah s 113 KPJ boleh diterima sebagai keterangan terhadap dirinya melainkan jika telah ditunjukkan oleh pihak pendakwaan bahawa pernyataan itu dibuat secara sukarela di dalam erti kata bahawa ia tidak diperolehi daripada tertuduh sama ada melalui ketakutan, paksaan, dorongan, janji atau pujukan atau dengan mengharapkan faedah oleh seseorang yang berkuasa. Saya sedar bahawa beban adalah sentiasa terletak kepada pihak pendakwa untuk membuktikan tanpa keraguan yang munasabah bahawa pernyataan tertuduh pertama itu diberikan secara sukarela. Bukan beban pihak tertuduh pertama untuk membuktikan ianya diberikan tidak secara sukarela sepertimana yang diputuskan dalam kes *Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232. Saya juga ingin merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Law Say Seck & Ors* [1971] 1 MLJ 199 di mana Sharma H di ms 201 menyatakan seperti berikut:

> A confession can, of course, be rejected on a valid ground or conjecture but there must be something before the court on which such a valid conjecture can rest. In this case I think there is sufficient evidence on which I can safely base a reasonably well founded belief in the hypothesis of a seeming inducement which avoids the confession under our laws. If the accused is able to point to some circumstances which arouse suspicion the confession cannot be admitted. A mere possibility that the confession was not voluntary is insufficient to warrant its rejection but a probability would suffice to dictate its rejection in evidence.

[23] Dalam menentukan sama ada pihak pendakwa telah membuktikan ID101A diberi secara sukarela adalah penting untuk mengambilkira dakwaan yang khusus yang dibuat oleh tertuduh pertama. Dalam keterangannya, tertuduh pertama menyatakan bahawa sewaktu ID101A di rekod tangannya digari. Dia juga menyatakan bahawa di dalam bilik di mana pernyataan itu dirakamkan tiada sebarang makanan dan minuman diberi. Tertuduh pertama juga secara khusus menyatakan bahawa pegawai yang merakamkan ID101A telah menjanjikan kepadanya bahawa dia tidak akan diperlakukan apa-apa

dan dia boleh pulang ke Bangladesh. Tertuduh pertama juga mendakwa bahawa dia dipaksa dan dipukul supaya memberi pernyataan tersebut. Pada pandangan saya semua dakwaan tersebut adalah terhadap TSP1 yang merakamkan pernyataan tertuduh pertama. Dalam hal ini, TSP1 dalam keterangannya telah menyatakan bahawa beliau telah mengarahkan gari di tangan tertuduh pertama dibuka sebaik sahaja tertuduh dibawa ke bilik tersebut. Keterangan TSP1 ini tidak dicabar oleh pihak pembelaan. Malahan, TSP1 langsung tidak disoal balas mengenai perkara ini. Tertuduh pertama pula semasa memberi keterangan sewaktu disoal balas oleh TPR telah bersetuju yang dia telah menurunkan tandatangannya di lima tempat di ID101A. Ini menunjukan bahawa tertuduh tidak di gari pada masa yang berkenaan. Saya tidak menerima dakwaan tertuduh bahawa tangannya digari sewaktu pernyataan tersebut diambil oleh TSP1. Mengenai dakwaan bahawa tertuduh pertama tidak diberi makanan atau minuman sewaktu dalam bilik tersebut, ini tidak boleh dijadikan satu alasan bahawa disebabkan itu pernyataan yang dia beri itu tidak diberi secara sukarela. Ini adalah kerana pernyataan ini diambil selepas waktu makan tengah hari. Dalam hubungan ini TSP1 tidak bersetuju dengan cadangan peguam bahawa tertuduh tidak diberi makan sebelum dibawa ke bilik tersebut. Saya lebih cenderung untuk menyatakan bahawa sekiranya TSP1 memberi makanan atau minuman kepada tertuduh dalam bilik tersebut ini adalah merupakan satu dorongan kepada tertuduh untuk memberi pernyataan tersebut. Mengenai dakwaan tertuduh pertama bahawa TSP1 menjanjikan sesuatu kepadanya, saya juga tidak dapat menerimanya kerana selain TSP1 menafikannya, tertuduh sendiri semasa memberi keterangan bersetuju dengan TPR sewaktu disoal balas bahawa sebelum dia menurunkan tandatangannya di ID101A, TSP1 tidak menjanjikan apa-apa kepadanya. Pengakuan tertuduh pertama ini pada pandangan saya menunjukkan bahawa TSP1 bercakap benar dan jujur sewaktu memberi keterangan. Dengan yang demikian saya menerima keterangan saksi ini bahawa beliau tidak memaksa, memujuk, mengugut, mendorong atau menjanjikan sesuatu kepada tertuduh supaya dia memberi pernyataan tersebut. Pada hemat saya semua dakwaan tertuduh pertama terhadap TSP1 tidak berasas sama sekali dan saya menolaknya.

[24] Selain daripada dakwaan yang khusus ini, tertuduh pertama juga telah membuat beberapa dakwaan secara umum. Menurut tertuduh pertama, selepas ditangkap dia seterusnya dibawa ke Balai Polis Plentong di mana dia ditanya sama ada dia melakukan pembunuhan dan seterusnya dia dipukul di semua bahagian badan. Dalam hubungan ini, TSP2 langsung tidak disoal balas oleh pihak pembelaan mengenainya. Tertuduh pertama juga menyatakan bahawa dia telah dipaksa untuk minum air kencing sewaktu di Balai Polis Sentral sekiranya dia tidak mengaku. Mengenai dakwaan umum ini adalah perlu diperhatikan bahawa tiada pernyataan bahawa tertuduh pertama telah dipaksa sebagaimana yang didakwa itu dengan tujuan supaya tertuduh pertama memberi pernyataan beramaran kepada pihak polis.

Peguam tertuduh pertama juga telah berhujah bahawa pihak pendakwa telah gagal untuk memanggil dua orang saksi yang penting iaitu Kpl Wahab bin Sulaiman yang mengeskot tertuduh pertama sewaktu membawa tertuduh ke dalam bilik di mana pernyataannya direkodkan oleh TSP1 dan kedua seorang pegawai polis, Cif Inspektor Goh. Sebelum saya membincangkan isu ini lebih mendalam saya ingin merujuk kepada kes yang dirujuk oleh peguam tertuduh pertama iaitu kes *Francis Antonysamy v Public Prosecutor* [2005] 2 AMR 750, di mana diputuskan bahawa adalah menjadi tugas pihak pendakwa untuk memanggil semua material witnesses untuk menunjukkan bahawa pernyataan amaran seseorang tertuduh diberi secara sukarela. Dalam hal demikian, isu yang perlu diputuskan ialah sama ada Kpl Wahab dan Cif Inspektor Goh ini adalah material witnesses dalam kes di hadapan saya ini. Mengenai Kpl Wahab, TSP1 sewaktu memberi keterangannya sewaktu pemeriksaan utama telah menyatakan bahawa Kpl Wahab merupakan orang yang telah membawa tertuduh pertama masuk ke dalam bilik dengan tangan digari ke belakang. TSP1 telah mengarahkan Kpl Wahab untuk membuka gari dan selepas gari dibuka Kpl Wahab telah keluar dari bilik itu dan meninggalkan tertuduh pertama dan TSP1. TSP1 tidak disoal balas mengenai Kpl Wahab. Tidak ada apa-apa dakwaan dibuat terhadap Kpl Wahab. Demikian juga sewaktu tertuduh pertama memberi keterangannya dia tidak membuat apa-apa tohmahan atau apa-apa dakwaan terhadap Kpl Wahab. Dalam keadaan yang sedemikian, saya tidak bersetuju dengan penghujahan peguam tertuduh bahawa kegagalan pihak pendakwa untuk memanggil Kpl Wahab mengakibatkan inferens bertentangan terpakai di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 ('AK').

[25] Mengenai Cif Inspektor Goh pula, sewaktu TSP3 memberi keterangan di peringkat pemeriksaan utama beliau menyatakan bahawa tertuduh pertama adalah di bawah kawalan Cif Inspektor Goh, sewaktu beliau mengarahkan TSP1 merekodkan pernyataan beramaran tertuduh. TSP3 langsung tidak disoal balas oleh pihak peguam tertuduh mengenai Cif Inspektor Goh. Tidak dicadangkan oleh pihak pembelaan bahawa Cif Inspektor Goh terlibat dalam menyoal siasat tertuduh pertama ataupun Cif Inspektor Goh memukul atau memberi apa-apa janji sebelum pernyataan tertuduh itu direkodkan oleh TSP1. Pada pandangan saya, sekiranya Cif Inspektor Goh terlibat dengan apa-apa siasatan ataupun soal siasat terhadap tertuduh pertama serta juga sekiranya betul Cif Inspektor Goh memukul atau membuat apa-apa janji atau dorongan ke atas tertuduh pertama sudah tentu pihak pembelaan akan membuat cadangan-cadangan sedemikian sewaktu TSP3 memberi keterangannya. Bukan sahaja tidak ada apa-apa cadangan ditujukan kepada TSP3 mengenai peranan Cif Inspektor Goh, malah tertuduh pertama sendiri sewaktu memberi keterangan langsung tidak membuat apa-apa dakwaan atau tohmahan terhadap Cif Inspektor Goh sedangkan pada peringkat itu tertuduh pertama sudah mengetahui bahawa nama Cif Inspektor Goh telah disebut oleh TSP3 dalam keterangannya.

A **[26]** Oleh yang demikian, berdasarkan semua fakta ini, saya tidak juga dapat menerima penghujahan peguam tertuduh bahawa Cif Inspektor Goh merupakan seorang saksi yang penting atau material witnesses. Pada pandangan saya kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil Cif Inspektor Goh tidak mengakibatkan inferens bertentangan di bawah s 114(g) AK.

[27] Di peringkat ini saya ingin menyentuh eksh TIDD157 iaitu rekod prosiding di mahkamah majistret pada 23 Ogos 2001 yang dikemukakan oleh pihak pembelaan. Rekod prosiding ini menunjukkan bahawa tertuduh pertama telah membuat aduan kepada majistret tentang apa yang dikatakan oleh tertuduh pertama telah berlaku sewaktu dia ditahan oleh pihak polis. Adalah penting untuk membuat pemerhatian bahawa aduan ini dibuat oleh pada 23 Ogos 2001, sedangkan sewaktu dia mula-mula dihadapkan di mahkamah pada 13 Ogos 2001 tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa dia telah membuat aduan yang sedemikian. Oleh yang demikian, saya tidak memberi banyak pertimbangan mengenai aduan yang dibuat oleh tertuduh pertama pada 23 Ogos 2001 itu. Dengan yang demikian saya menolak sebagai tidak benar dakwaan tertuduh bahawa dia dipaksa, dipujuk, dipukul, didorong ataupun dijanjikan sesuatu sekiranya dia memberi pernyataan tersebut.

[28] Kini saya beralih kepada isu yang ketiga iaitu sama ada ID101A telah diberikan oleh tertuduh pertama di bawah hal keadaan yang menindas (oppressive circumstances). Dalam kes *R v Priestly* (1967) 51 Cr App R 1, Sachs H menerangkan maksud penindasan seperti berikut:

> The word oppression 'imports something which tends to sap, and has sapped, that freewill which must exist before a confession is voluntary'. Whether or not there is oppression in an individual case depends upon many elements. They include such things as the length of time of any individual period of questioning, the length of time intervening between periods of questioning, whether the accused person has been given proper refreshment or not, and the characteristics of the person who makes the statement.

[29] Dalam hubungan ini, peguam tertuduh pertama telah menimbulkan isu bahawa tertuduh telah ditangkap pada 30 Julai 2001 dan percakapan amaran dirakamkan empat hari kemudian, iaitu pada 3 Ogos 2001 daripada pukul 3.30 petang sehingga 7.30 petang. Dalam hubungan ini juga, peguam tertuduh pertama telah membangkitkan bahawa lock-up rules tidak dipatuhi kerana sepatutnya tertuduh pertama perlu berada dalam lokap sebelum pukul 6 petang. Mengenai lock-up rules ini, TSP1 menyatakan bahawa beliau tidak bersetuju dengan peguam tertuduh pertama kerana seseorang tertuduh ini

boleh berada di luar lokap selepas pukul 6 petang mengikut atau bergantung kepada keadaan. Pada pandangan saya penjelasan TSP1 ini adalah munasabah dan boleh diterima.

[30] Mengenai isu penindasan ini adalah penting untuk mengambilkira bahawa tertuduh pertama berada dalam keadaan sihat sewaktu pernyataan beramaran itu diambil, seperti yang dinyatakan oleh TSP1. Keterangan TSP1 bahawa beliau mendapati tertuduh pertama berada dalam keadaan sihat dan baik dipersetujui oleh tertuduh sendiri. Apabila disoal balas oleh TPR, tertuduh pertama telah menyatakan bahawa keadaan kesihatannya adalah baik sewaktu ditahan di Balai Polis Sentral. Dalam kes ini tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa selama empat hari tertuduh pertama ditahan oleh pihak polis sebelum ID101A direkodkan, tertuduh telah disoal siasat secara berterusan dengan cara yang menindas. Tiada bukti yang menunjukkan bahawa satu pasukan polis telah menjalankan soal siasat terhadap tertuduh pertama secara berterusan. Tiada juga keterangan yang menunjukkan keadaan lokap sewaktu tertuduh pertama ditahan. Tertuduh pertama juga tidak membuat apa-apa dakwaan bahawa dia tidak diberi makan sewaktu dalam tahanan polis. Sungguhpun tertuduh dalam keterangannya menyatakan bahawa semasa dalam tahanan polis dia hanya tidur lebih kurang dua jam sahaja setiap hari, namun dia tidak membuat apa-apa dakwaan bahawa pihak polis menghadkan masa tidurnya itu. Dalam hal yang demikian setelah menimbangkan semua keadaan dan keseluruhan keterangan kes ini, saya tidak dapat menerima bahawa ID101A telah diberikan oleh tertuduh pertama di bawah hal keadaan yang menindas (oppressive circumstances).

[31] Di peringkat ini saya ingin menyentuh mengenai penghujahan kedua-dua belah pihak mengenai sama ada atau tidak saya wajar meneliti kandungan ID101A dalam mempertimbangkan kebolehterimaan percakapan amaran ini. Setelah saya menimbangkan penghujahan kedua-dua belah pihak saya berpendapat adalah tidak wajar untuk saya melihat kandungan ID101A ini untuk menentukan kebolehterimaan ID101A. Saya ingin menyatakan di sini bahawa saya dapat mencapai satu keputusan mengenai isu kebolehterimaan ID101A tanpa saya perlu melihat kandungannya.

[32] Setelah mempertimbangkan secara keseluruhan keterangan dalam kes ini, saya berpuas hati bahawa sebelum pernyataan beramaran tertuduh pertama diambil oleh TSP1, amaran sebagaimana yang dikehendaki di bawah s 113 KPJ telah dibaca kepada tertuduh pertama oleh TSP1. Saya juga menerima keterangan TSP1 bahawa beliau selanjutnya telah menerangkan kepada tertuduh pertama amaran tersebut dan bahawa tertuduh memahaminya. Saya juga menerima keterangan TSP1 bahawa semua kandungan ID101A itu telah diberikan oleh tertuduh pertama kepadanya

oleh sebab TSP1 tidak mungkin mengetahui mengenai kes ini memandangkan beliau hanya diberikan oleh TSP3 nombor report polis kes ini dan tambahan pula tertuduh pertama sendiri sewaktu disoal balas oleh TPR mengaku bahawa kandungan ID101A itu telah diberikan olehnya kepada pegawai yang merekodkan pernyataan tersebut. Dengan yang demikian saya tidak merasa ragu-ragu untuk memutuskan bahawa kandungan ID101A telah diberi sepenuhnya oleh tertuduh pertama kepada TSP1 yang kemudiannya telah merakamkannya. Dan saya berpuas hati bahawa pihak pendakwa telah membuktikan sehingga melampaui keraguan yang munasabah bahawa ID101A telah berikan oleh tertuduh kepada TSP1 secara sukarela.

[33] Setelah menimbangkan segala keterangan yang dikemukakan dalam perbicaraan dalam perbicaraan ini dan penghujahan kedua-dua belah pihak, saya berpuas hati tiada apa-apa alasan yang cukup yang dapat meyakinkan saya bahawa percakapan beramaran tertuduh pertama itu tidak boleh diterima. Oleh itu, saya menerima masuk ID101A (yang kemudiannya ditanda sebagai P101A) atas alasan bahawa pihak pendakwa telah membuktikan melampaui keraguan munasabah bahawa ianya dibuat secara sukarela dalam erti kata ia tidak diperolehi secara paksa, ugutan, dorongan, janji atau penindasan. Kemudian SP29 telah membaca kandungan P101A di mana, tertuduh pertama, antara lain, telah menyatakan seperti berikut:

> Pada 27/7/2001 (Jumaat) jam 11.00p.m. saya ada telefon Vasagi bagitahu saya sudah beli tiket kapalterbang dan akan balik ke Bangladesh pada 5/8/2001. Vasagi panggil saya pergi rumahnya untuk ambil wang. Pada 28/7/2001 jam 1.30 pagi saya telah panggil Dion teksi untuk ambil saya dengan rakan saya Razaul Karim di hostel saya di no. 14, Jalan Lanjut 10, Toman 27 Desa Cemerlang, Ulu Tiram, Johor. Pada jam lebih kurang 1.50 pagi teksi sudah sampai dan hantar kami ke rumah Vasagi dan berhenti dekat rumah Vasagi. Apabila sampai dihadapan rumah Vasagi saya dan rakan dapati pintu pagar hadapan tidak berkunci dan kami telah masuk ke dalam kawasan rumah dan saya mengetuk pintu dalam. Vasagi pun buka pintu kayu dan gril dan ajak kami masuk ke rumah. Saya telah duduk di atas 'sette' dan kawan saya (Razaul Karim) bersandar di dinding bilik sembahyang. Vasagi dan ibunya berdiri di hadapan bilik pintu ke 2 dekat Razaul. Pada masa itu di ruang tamu ada seorang tua berbaring di atas tilam. Saya tanya Vasagi tentang wang simpanan saya, Vasagi sudah cerita lain dan marah saya bagi tahu sudah pukul berapa, kenapa saya datang kacau dan tanya apa wang? Pada ketika itu, Vasagi sudah panggil orang tua buat panggilan polis. Sebelum orang tua itu buat panggilan polis saya telah tarik wayar telefon dan secara spontan saya telah merebahkan orang tua ke atas tilam dan pada masa yang sama Razaul Karim mencapai sebilah pisau jenis 'cutter' yang terletak di atas rak TV dan terus potong bahagian leher orang tua itu. Pada ketika itu Vasagi telah serang kawan saya (Razaul karim) dengan sebatang kayu hujung diikat dengan pisau dan cedera jari (tangan mana tidak ingat) Razaul. Razaul pun lawan balik dan mereka (Vasagi dan ibunya) pun lari masuk serta menjerit ke bilik kedua dan cuba menutup pintu tetapi telah dihalang oleh Razaul karim dengan kakinya dan terus masuk ke dalam

menyerang dan mengelar leher kedua-dua ibu dan anak perempuan (Vasagi dan ibu). Di masa yang sama saya nampak 'uncle' Vasagi keluar dari bilik tidur belakang dengan memegang sebatang kayu, saya pun tolak 'uncle Vasagi dan dia jatuh, saya pun meluru ke dapur dan mengambil sebilah pisau (chopper) dan kemudian menikam perut 'uncle Vasagi' dan seterusnya mengelar lehernya kerana dia hendak bangun. Pada masa yang sama 'nenak Vasagi' dan 'aunty' di ruang dapur yang turun dari bilik tidur atas. Saya telah tahan dan tolak mereka jatuh ke lantai, kemudian kawan saya (Razaul Karim) telah mengelar leher mereka. Pada ketika itu, apabila nampak suaminya (uncle Vasagi) kena bunuh 'aunty Vasagi' yang seorang lagi telah lari masuk dan kunci bilik tidur. Kemudian saya dan kawan saya telah memecahkan pintu dengan memotong di bahagian pemegang dan terus masuk. Saya pegang 'aunty Vasagi' dan kawan saya pun mengelar lehernya. Selepas itu, kami telah mencuci pakaian, badan dan senjata yang digunakan. Saya pun kunci pintu dalam dan pintu pagar dan kami berjalan kaki menghala ke jalanraya berdekatan dengan minyak stesyen Shell. Dalam perjalanan saya telah buangkan kunci rumah dalam tong sampah dihadapan salah sebuah rumah sepanjang jalan dan kedua-dua pisau telah dibuang ke dalam parit. Lebih kurang 50 meter dari tempat kejadian. Apabila sampai stesyen Shell saya hubungi citycab untuk mendapatkan teksi. Setelah tunggu selama 10 minit kamipun berjalan kaki balik ke hostel, pada masa itu jam lebih kurang 5.00 a.m. Sebaik sahaja sampai di hostel kamipun cuci baju dan seluar. Selepas sidai baju kamipun tidur dan pada jam 7.45 a.m. saya pun pergi kerja.

S: Semasa kamu menyerang ahli-ahli keluarga Vasagi adakah kamu dicederakan?

J: Saya ada mempunyai luka dekat jari telunjuk dan belakang jari yang lain pada tangan sebelah kiri.

[34] Tertuduh pertama dalam P101A telah menceritakan peristiwa pembunuhan ini sebelum ianya berlaku sehinggalah dia dan rakannya meninggalkan rumah tersebut. Pernyataan beramaran tertuduh pertama ini jelas, apabila ditafsirkan secara betul, merupakan pengakuan salah di bawah s 17(2) AK kerana ianya menyatakan atau menyarankan kesimpulan bahawa dia telah melakukan kesalahan itu dengan seorang rakannya Razaul Karim. Saya juga berpuas hati bahawa pengakuan salah tertuduh pertama dalam P101A itu adalah benar dan boleh dipercayai. Meneliti bagaimana jenayah itu dilakukan seperti yang dinyatakan oleh tertuduh pertama dalam P101A, saya berpendapat, tidak mungkin pengakuan salah itu diada-adakan oleh tertuduh pertama. Prinsip undang-undang yang mantap menyatakan bahawa pengakuan salah yang telah diterima masuk boleh digunakan untuk menyabit seseorang, tanpa perlu ada keterangan sokongan, jika mahkamah berpuas hati bahawa pengakuan salah itu adalah benar. Prinsip ini telah dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Osman & Anor v Public Prosecutor* [1967] 1 MLJ 137 yang menyatakan:

The next contention is that the statements amount to confessions, and the appellants having retracted them at the trial, no weight ought to have been attached to them, and there being no other evidence to prove the charges against

the appellants, they ought to have been acquitted. It is also urged upon us that a retracted confession cannot be made solely the basis of a conviction unless the same is corroborated and certain Indian authorities were relied upon for this proposition.

We do not agree with the Indian cases cited. We adopt the view of the Malayan Union Court of Appeal in the case of *Yap Sow Keong v Public Prosecutor* [1947] MLJ 90 which was stated in these words:

> In our view the law as to the admissibility of retracted confessions in evidence is clear, and put shortly it is that an accused person can be convicted on his own confession, even when it is retracted, if the court in satisfied of its truth. We do not agree with those Indian decisions which lay down that before a person can be convicted on his retracted confession there must be corroborative evidence to support it.

[35] Walaupun undang-undang tidak memerlukan keterangan sokongan namun, pada hemat saya, dalam kes ini pihak pendakwa telah berjaya mengemukakan keterangan sokongan terhadap P101A. Berhubung dengan persoalan ini, prinsip undang-undang yang mantap adalah bahawa keterangan sokongan mestilah keterangan yang bebas dan boleh dipercayai yang menyentuh isu yang penting yang membabitkan tertuduh. Sesuatu keterangan bebas, boleh diterima serta mengesahkan, yang condong kepada pengesahan bahawa sesuatu butiran berhubung dengan sesuatu keterangan utama adalah benar. Prinsip ini telah diterangkan dalam kes *Choong Oi Choo v Public Prosecutor* [1986] 2 CLJ 231 dan *Dowse v Attorney-General, Federation of Malaya* [1961] MLJ 249.

[36] Keterangan sokongan yang pertama mengenai P101A datangnya daripada SP19. SP19 adalah seorang pemandu teksi bernama Eric a/l John Edmund Mendez. Dalam keterangannya, SP19 menyatakan bahawa pada malam 27 Julai 2001 beliau ada mengambil dua orang penumpang lelaki warga Bangladesh di Desa Cemerlang setelah mendapat tempahan daripada panggilan Citycab. Beliau sampai di situ lebih kurang jam 1.45 pagi pada 28 Julai 2001. Apabila sampai di tempat di mana lelaki Bangladesh tersebut menunggu, SP19 telah bertanya sama ada mereka ada membuat panggilan untuk perkhidmatan teksi. Mereka mengakui ada menelefon Citycab untuk perkhidmatan tersebut. SP19 juga menyatakan bahawa beliau telah berbual dengan kedua-dua penumpang tersebut dalam bahasa Malaysia. SP19 ada bertanya ke mana mereka hendak pergi dan diberitahu bahawa mereka ingin pergi ke Johor Jaya. Menurut SP19 lagi, seperti lazimnya, semasa hendak mengambil kedua-dua penumpang tersebut beliau melihat muka mereka. Selepas melihat muka penumpang-penumpang tersebut barulah beliau mengambil mereka. Semasa berada dalam teksi, SP19 juga berpeluang untuk melihat ke arah muka salah seorang daripada mereka. Apabila sampai di Man Dedap, Taman Johor Jaya salah seorang penumpang tersebut telah membayar

tambang teksi. Sekali lagi SP19 dapat melihat wajah salah seorang daripada mereka semasa beliau menoleh ke belakang untuk mengambil tambang tersebut. Selepas turun dari teksi, SP19 dalam keterangannya menyatakan bahawa mereka dilihat melintas jalan dan menuju ke arah Jalan Bakawali di taman tersebut. Salah seorang daripada penumpang tersebut telah dicam oleh SP19 sebagai tertuduh pertama. Pada hemat saya, pengecaman tertuduh pertama oleh SP19 tidak boleh diragukan kerana sebelum itu tertuduh pertama pernah menaiki teksi tersebut sebanyak dua kali dan pada masa-masa yang berkenaan SP19 telah mengambilnya di sekitar Desa Cemerlang.

[37] Keterangan sokongan kedua terhadap P101A adalah keterangan seorang ahli kimia yang juga merupakan pakar DNA iaitu En Primulapathi Jaya ('SP8'). SP8 dalam keterangannya menyatakan, antara lainnya, bahawa pada 1 Ogos 2001 beliau telah menerima beberapa barang kes untuk analisa ujian DNA daripada pegawai penyiasat kes, SP29, iaitu:

P89	iaitu bungkusan bertanda 'L' mengandungi tujuh tiub plastik bertanda E1 hingga E7 merupakan kapas yang mengandungi kesan darah manusia;
P90	bungkusan bertanda 'L1' mengandungi tiga tiub plastik bertanda 'F', 'G' dan 'G1' merupakan kapas yang mengandungi kesan darah manusia; P91 — bungkusan bertanda 'M';
P91	bungkusan bertanda 'M';
P92	bungkusan bertanda 'M1';
P95	tiub plastik bertanda 'R' iaitu specimen darah tertuduh pertama; dan
P96	tiub plastik bertanda 'U' iaitu specimen darah 'Murali a/l Krishnasamy'.

[38] Beberapa barang kes lain juga telah diterima oleh SP8 untuk tujuan analisa ujian DNA pada tarikh-tarikh 6 Ogos 2001, 16 Oktober 2001 dan 8 November 2001 masing-masingnya daripada SP18, SP9 dan SP10. Berdasarkan keterangan SP8, antara barang kes yang mempunyai kesan darah manusia setelah beliau analisa ialah P89, P90, P95, P96, P97 iaitu specimen darah bertanda 'R1' atas nama 'Razaul Karim' dan P94 iaitu contoh-contoh darah yang dipalit pada kad FTA. Barang-barang kes yang mengandungi darah kemudiannya telah dianalisa untuk pemprofilan DNA oleh SP8 dengan menggunakan kaedah *Polimerase Chain Reaction* (PCR) pada sembilan loci genetik. DNA ialah nama singkatan bagi *deoxyribonucleic acid*. Ia adalah sebatian kimia kompleks yang ditemui di dalam nukleus setiap sel dan membawa maklumat gen seseorang. Semua sel dalam badan sesorang mempunyai DNA yang sama. DNA bagi setiap seorang kecuali kembar yang serupa adalah unik. Pemprofilan DNA digunakan untuk perbandingan iaitu menentukan sama ada bahan bukti biologi yang ditemui di dalam rumah

tempat kejadian, mempunyai hubung kait dengan tertuduh pertama. Replikasi turutan DNA yang terdapat dalam specimen DNA dilakukan dengan kaedah PCR. Menurut SP9, kaedah PCR dilakukan pada sembilan loci genetik kerana loci-loci tersebut telah diperakui di peringkat antarabangsa bagi identifikasi manusia; dan juga kerana pada sembilan loci genetik inilah terdapat perbezaan-perbezaan (variation) besar antara seorang ke seorang yang lain. Perbezaan inilah yang akan menunjukkan betapa uniknya pemprofilan DNA, di mana seseorang itu akan dapat dibezakan dengan yang lain oleh DNA dengan dua contoh atau kesan berlainan. SP8 juga telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengelakkan daripada berlaku sebarang pencemaran ke atas contoh atau kesan darah yang diuji. Dalam keterangannya, SP8 mengesahkan tidak terdapat sebarang pencemaran ke atas contoh-contoh yang diuji dan seterusnya ujian telah dilakukan dengan jayanya. Berdasarkan kepada ujian DNA yang dilakukannya, SP8 dalam keterangannya menyatakan bahawa daripada kesan darah bertanda 'F' dan juga 'G' setelah dianalisa, penyumbang terbesar datangnya daripada sumber daripada contoh darah bertanda 'R' yang dilabelkan sebelum ini atas nama 'Md Masud Rana'. Md Masud Rana dalam kes ini adalah tertuduh pertama. Contoh darah 'F' dan 'G' adalah kesan darah yang dijumpai dan diambil oleh SP30 iaitu Inspektor Ramlan bin Md Derus di rumah tempat kejadian. Menurut keterangan SP30, beliau telah menjumpai kesan darah tersebut pada pintu bilik belakang dan juga rangka pintu bilik yang sama. Beliau seterusnya telah menggunakan batang kapas dan menggosokkannya pada kesan darah tersebut sebelum memasukkannya ke dalam tiub plastik dan menandakannya sebagai 'F' dan 'G'. SP30 juga hadir dan nampak semasa Dr Norlaily bt Hassan ('SP31') mengambil specimen darah R daripada tertuduh pertama.

[39] Laporan lengkap mengenai ujian DNA yang dilakukan oleh SP8 adalah seperti laporan bertarikh 10 Januari 2002 yang disediakan oleh SP8 (P131). SP8 juga mengesahkan bahawa selain daripada contoh 'F' dan 'G', contoh darah 'R' tidak mempunyai persamaan dengan contoh-contoh daripada barang kes lain yang telah dikemukakan kepadanya.

[40] SP8 telah memberi keterangan secara terperinci mengenai pemeriksaan dan analisa yang beliau lakukan terhadap barang kes. Saya mendapati beliau merupakan seorang yang mempunyai kelayakan dan berpengalaman luas dalam bidang analisia DNA. Saya menerima SP8 sebagai seorang pakar DNA. SP8 telah menerangkan di mahkamah prosedur dan proses serta alat-alat saintifik yang diguna pakai dalam menjalankan analisa tersebut. Dalam membuat keputusan ke atas analisa dan ujian yang dilakukannya, SP8 telah menggunakan pangkalan data DNA penduduk di Malaysia daripada bangsa Melayu, Cina dan India memandangkan tiada pangkalan data penduduk daripada kalangan bangsa Bangladesh di Malaysia.

Namun begitu, kaedah ini dibenarkan dalam garis panduan yang digunakan di peringkat antarabangsa seperti terkandung dalam *Recommendation 4.3, The Evaluation of Forensic DNA Evidence, Committee on DNA Forensic Science, National Research Council*. Tiada apa-apa keterangan lain yang membantah yang telah dikemukakan atau disarankan oleh pihak pembelaan untuk mencabar keterangan SP8 ini. Malahan, pihak pembelaan tidak mencabar dengan serius kepakaran dan keterangan SP8. Prinsip am undang-undang adalah kegagalan untuk memeriksa balas seorang saksi mengenai sesuatu yang material membentuk satu penerimaan keterangan saksi yang berkenaan. Memandangkan keterangan SP8 tidak dicabar serta tiada keterangan yang bercanggah, tiada sebab bagi saya menolak keterangan dan laporan ('P131') SP8. Pendapat SP8 adalah pendapat seorang pakar yang disokong oleh alasan-alasan yang diberikan olehnya. Dengan yang demikian, saya menerima keterangan SP8 dan laporan lengkap mengenai ujian DNA, P131. Di sini saya ingin menekankan bahawa saya menerima keterangan SP8, bahawa profil DNA yang terhasil daripada kesan darah 'F' dan 'G' didapati mengandungi profil yang bercampur dan punca specimen darah 'R' telah didapati merupakan penyumbang utama kepada profil yang bercampur tersebut. Kepentingan keputusan DNA ini adalah seperti berikut. Kesan darah pada 'F' dan 'G' diambil oleh pihak polis di rumah tempat kejadian di mana tujuh orang telah dibunuh. Manakala specimen darah 'R' adalah specimen darah tertuduh pertama. Dengan yang demikian keterangan DNA oleh SP8 ini juga menyokong pengakuan salah tertuduh pertama dalam P101A setakat ianya menunjukkan bahawa tertuduh pertama berada dalam rumah tersebut pada masa material sewaktu semua mangsa telah dibunuh.

[41] Merujuk kembali kepada pengakuan salah ('P101A'), tertuduh pertama telah menyatakan bahawa sewaktu peristiwa itu berlaku dia telah mengalami luka di jari pada tangan kanan sebelah kiri. Dalam hubungan ini Cif Inspektor Shamsuddin bin Mohamed ('SP20') telah ditugaskan membantu menyiasat kes pembunuhan ini. Pada 30 Mei 2001, beliau dan anggota pasukannya telah menangkap tertuduh pertama. Pada masa ditangkap SP20 nampak jari telunjuk sebelah tangan kiri tertuduh pertama dibalut dengan kain. Menurut SP20, tertuduh pertama beritahunya dia tercedera sewaktu berkerja di kilang dan diberi cuti sakit. Pada 2 Ogos 2001, SP20 telah membawa tertuduh pertama ke kilang tempat dia berkerja. Di situ, tertuduh pertama telah menunjukkan suatu mesin yang menyebabkan luka di jarinya. Ada dua perkara penting di sini. Pertama, fakta bahwa tertuduh memang mengalami luka di jarinya mengesahkan kebenaran kandungan pengakuan salah P101A. Dan kedua, tertuduh pertama bercakap bohong kepada SP20 apabila beliau menyatakan luka tersebut adalah akibat terkena mesin di tempat dia berkerja. Tertuduh pertama semestinya mengetahui bahawa SP20 adalah seorang pegawai polis yang terlibat dalam siasatan kes ini. Pada hemat saya pembohongan yang dilakukan oleh tertuduh pertama mengenai sesuatu yang material itu adalah untuk menyembunyikan

keterangan yang boleh mengaitkan dan melibatkan dirinya dengan jenayah tersebut dan hakikat ini juga merupakan suatu keterangan sokongan yang membabitkan tertuduh pertama dengan mengkaitkannya dengan jenayah ini. Prinsip undang-undang ini dapat dilihat dalam kes *Syed Ali Syed Abdul Hamid & Anor v Public Prosecutor* [1982] CLJ 188 di mana Salleh Abas HMP (YAA ketika itu) sewaktu menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan telah berkata:

> Apart from the fact that the second appellant had possession and control of the car during the relevant period, ie between the evening of 13 August and forenoon of 15 August 1977 and the fact that he had opportunity to conceal the opium in the car during the period, there are two other circumstances which go to show that the second appellant had the necessary knowledge. We recall that he told PW4 that the purpose of borrowing the car was to go to Terengganu. This was a deliberate lie as he never intended to go to Terengganu at all but to Singapore, which he did. We also recall that he told PW4 that he needed the car for two days. And as such there was no reason at all for him to see PW4 again in the evening of 14 August asked for permission to use it further on the 15 August. Such permission was already given to him. In other jurisdictions a false statement made by an accused person concerning the surrounding circumstances in which an offence was committed whilst he had an opportunity to commit the offence can be regarded as a corroboration of the evidence against him. *Eade v The King* (1924) 34 CLR 154 and also *Regina v Lucas* [1981] 3 WLR 120 also *R v Tripodi* [1961] VR 186. We accept the decisions in these cases to be good law. In this case we hold that the representation he made to PW4 regarding the purpose of borrowing the car was a deliberate lie and is therefore a corroborative evidence against him for which he must explain. Such lie is a reflection of his consciousness of guilt as regards the use he intended to make of the car in question.

Seterusnya YA menambah:

> In conclusion the totality of these circumstances ie the custody and control of the car, the opportunity of the second appellant who had custody and control of it during the material period to conceal the raw opium in question in the car, the lies which he told to PW4 about the purpose of borrowing the car for that period and lastly the purpose which could be drawn from the purchase of the chempedaks with such a strong odour all these circumstances lead us to an irresistable conclusion that the second appellant knew that the raw opium in question was concealed in the car and so possession was proved against him. Nothing said by him in his defence could alter this conclusion. We therefore hold that his conviction and sentence should be maintained.

[42] Berdasarkan semua keterangan SP8, SP19 dan pengakuan salah PI01A, saya mendapati bahawa kecederaan yang dialami oleh semua mangsa adalah disebabkan oleh perbuatan tertuduh pertama dan rakannya. Dan berdasarkan keterangan SP6, pakar patologi forensik yang menjalankan post mortem ke atas semua mangsa saya mendapati bahawa dalam menyebabkan

kecederaan ke atas semua mangsa, tertuduh pertama dan rakannya mempunyai niat untuk mengakibatkan kematian. A

[43] Sekarang adalah masa yang sesuai bagi saya menyentuh persoalan niat bersama di bawah s 34 KK yang menyatakan seperi berikut: B

> When a criminal act is done by several persons, in furtherance of the common intention of all, each of such persons is liable for that act in the same manner as if the act were done by him alone.

[44] Seksyen ini memperuntukkan bahawa apabila suatu perbuatan jenayah dilakukan oleh beberapa orang bagi mencapai niat bersama mereka semuanya, setiap seorang daripada mereka itu adalah bertanggungan atas perbuatan itu sama seperti seolah-olah perbuatan itu dilakukan olehnya seorang. C D

[45] Dalam *Mallal's Penal Law* para 34.1 dinyatakan:

> Section 34 does not create a substantive offence. The section lays down only a rule of evidence to infer joint responsibility for a criminal act performed by a plurality of persons. This section is drafted in such a way so as to meet situations where it would be difficult to identify the exact acts of individual members of a party who acted in furtherance of their common intention. It allows for the imposition of the liability of the person who actually perpetrated the crime on to the participants of the crime. Thus, section 34 operates to impute liability to a participant whose participation contributed to the result, though he could not be proved to have committed the actus reus himself E F
>
> This extension of liability from the perpetrator to the participant is premised on the responsibility of participants for associating with such a crime, and the consequences that could follow. In a criminal prosecution where section 34 is invoked, it is not incumbent on the prosecution to prove that there existed between the participants a common intention to commit the crime actually committed. For section 34 to apply it is sufficient if the prosecution proves that there was in existence a common intention between all the persons who committed the criminal act and that the act which constituted the offence charged was done in furtherance of that common intention. So long as the act that constitutes the criminal offence charged is committed in furtherance of a common intention among the participants, then all the participants are made vicariously liable for the criminal offence. G H

[46] Seterusnya di 34.4 dinyatakan: I

> The Malaysian courts have also adopted the view that a common intention may develop on the spot without any long interval of time between it and the doing of the act commonly intended.

A **[47]** Niat bersama seharusnya perlu dikumpulkan daripada keadaan sekitar kes ini. Pada hemat saya keterangan pengakuan salah tertuduh pertama di P101A dengan jelas menunjukkan bahawa pembunuhan ke atas ketujuh-tujuh mangsa itu disebabkan perbuatan yang disengajakan oleh tertuduh pertama dan rakannya. Mereka telah bertindak bersama di dalam B melakukan pembunuhan tersebut. Oleh yang demikian, ini mesti bermakna bahawa berdasarkan keterangan yang sedia ada, tertuduh pertama telah bertindak dengan niat bersama dengan rakannya untuk membunuh ketujuh-tujuh mangsa tersebut.

C **[48]** Setelah menimbangkan secara keseluruhannya dengan teliti semua keadaan serta keterangan yang dihuraikan sebentar tadi, pada hemat saya, pihak pendakwa di peringkat penutupan kes pendakwaan telah berjaya mewujudkan suatu kes prima facie terhadap tertuduh pertama bagi ketujuh-tujuh kesalahan yang dikenakan.

D

[49] Kini saya beralih kepada tertuduh kedua.

[50] Mengenai keterangan terhadap tertuduh kedua pula, pihak pendakwa E cuba mengemukakan pernyataan beramaran iaitu eksh ID104A yang direkodkan oleh Cif Inspektor Ramadzan bin Abdul Karim ('TSP1') di bawah s 113 KPJ. Memandangkan tertuduh kedua telah mencabar kebolehterimaan ID104A atas alasan bahawa pernyataan tersebut tidak dibuat secara sukarela maka satu perbicaraan dalam perbicaraan telah F dilangsungkan yang bertujuan untuk menentukan sama ada ID104A itu boleh diterima atau tidak.

[51] Di sepanjang perbicaraan dalam perbicaraan, pihak pendakwa telah memanggil lima orang saksi. Selepas pihak pendakwa menutup kes di akhir G perbicaraan dalam perbicaraan, peguam tertuduh kedua memaklumkan bahawa tertuduh mengambil pendirian untuk memberi keterangan secara bersumpah. Tertuduh kedua juga memanggil seorang saksi iaitu pendaftar mahkamah sesyen ('TSD2').

H **[52]** Pada hemat saya, berdasarkan semua keterangan yang dikemukakan serta penghujahan oleh peguam tertuduh kedua dan TPR, terdapat satu isu yang penting yang ditimbulkan untuk dipertimbangkan oleh mahkamah dalam menentukan kebolehterimaan ID104A, iaitu sama ada ID104A telah diberikan oleh tertuduh kedua di bawah hal keadaan yang menindas I (oppressive circumstances).

[53] Dalam menentukan isu ini, keterangan yang berikut tidak dipertikaikan. Tertuduh kedua telah ditangkap pada 3 Ogos 2001, jam lebih kurang 11.15 pagi. Dia kemudiannya telah dibawa ke Balai Polis Plentong,

dan seterusnya pada 5.30 petang dia dibawa dan ditahan di lokap Ibu Pejabat Polis Kontinjen, Johor. Pada keesokannya 4 Ogos 2001, dari jam 8 pagi hingga 2 petang dia telah disoal siasat secara berterusan oleh satu pasukan yang diketuai oleh Inspektor Goh daripada Bukit Aman. Selepas disoal siasat, pegawai penyiasat kes ini iaitu DSP Zainal Rashid bin Abu Bakar ('TSP4') telah menemui tertuduh kedua di mana beliau mendapati mata tertuduh kedua lebam dan cedera. TSP4 kemudiannya telah membawa tertuduh kedua ke hospital untuk diambil specimen darah, kuku dan rambut. TSP4 juga menyatakan bahawa tertuduh kedua diberi rawatan berkaitan dengan kecederaan yang dialami. Pada hari yang sama jam 2.45 petang, tertuduh kedua telah dibawa keluar daripada lokap dan diserahkan kepada TSP1 di pejabatnya di IPD, Johor Selatan. Mengikut TSP1 beliau telah merakamkan pernyataan beramaran tertuduh kedua daripada pukul 3.20 petang sehingga lebih kurang pukul 4 petang. Tertuduh kedua dalam keterangannya menyatakan bahawa sewaktu bersama dengan TSP4 dia tidak dalam keadaan tenang. Akibat dipukul sewaktu dalam lokap dia tidak berkata apa-apa. Pada masa itu, menurut tertuduh kedua, dia masih lagi mengalami kesakitan. Fakta bahawa tertuduh kedua mengalami kecederaan serta lebam di matanya tidak dipertikaikan. Tidak juga dipertikaikan bahawa tertuduh kedua mengalami kecederaan ini sewaktu dia ditahan dalam lokap IPK, Johor lebih kurang 12 jam sebelum ID104A direkodkan. Kecederaan yang dialami oleh tertuduh kedua itu adalah serius. Saya berkata demikian kerana menurut keterangan Cif Inspektor Mohd Mazuri ('TSP6') iaitu pegawai penyiasat yang menyiasat kes tertuduh kedua dipukul itu, sewaktu beliau menemui tertuduh kedua pada 8 Ogos 2001, iaitu empat hari selepas tertuduh kedua dicederakan di matanya, SP6 mendapati bahawa mata kiri tertuduh kedua bengkak dan merah serta sekeliling mata kirinya lebam. Keterangan TSP6 ini diberikan sewaktu pemeriksaan utama oleh pihak pendakwa. Berdasarkan fakta ini saya berpendapat bahawa sewaktu TSP4 mengambil pernyataan tertuduh kedua pada 4 Ogos 2001, tertuduh kedua masih lagi berada dalam keadaan kesakitan disebabkan kecederaan yang dialami olehnya. Oleh yang demikian, berdasarkan keadaan kes ini saya berpendapat bahawa ID104A telah diberikan oleh tertuduh kedua di bawah hal keadaan yang menindas. Saya berpendapat keadaan yang menindas ini menimbulkan keraguan sama ada ID104A itu telah dibuat secara sukarela oleh tertuduh kedua.

[54] Di sini ingin saya tegaskan bahawa saya tidak membuat apa-apa finding tentang siapakah yang menyebabkan kecederaan itu. Menurut tertuduh kedua beliau dipukul dan diserang oleh anggota polis dari Bukit Aman dan tertuduh telah mengenalpasti bahawa Inspektor Goh lah yang menumbuk matanya sehingga mendatangkan kecederaan dan lebam. Di sini saya ingin membuat pemerhatian pihak pendakwaan tidak memanggil Inspektor Goh untuk membuat pematahan mengenai dakwaan tertuduh kedua ini. Kes pendakwa pula adalah kecederaan yang dialami oleh tertuduh kedua disebabkan oleh serangan dan pukulan yang dilakukan oleh

tahanan-tahanan lain. Bagi tujuan keputusan ini, tidak perlu untuk saya memutuskan siapakah yang menyebabkan kecederaan tersebut. Seperti yang saya tegaskan sebentar tadi, sewaktu tertuduh kedua memberi pernyataannya kepada TSP1, dia cedera di mata dan dalam keadaan kesakitan. Ini pada pandangan saya sudah mencukupi bagi saya untuk membuat keputusan bahawa dalam keadaan yang sedemikian ID104A itu diberi dalam keadaan menindas kerana pada pandangan saya TSP1, selaku pegawai perakam sudah tentu mengetahui tentang keadaan yang dialami oleh tertuduh kedua pada masa yang berkenaan.

[55] Dengan yang demikian, berasaskan alasan-alasan yang telah saya huraikan di atas, ID104A tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan.

[56] Tanpa pernyataan beramaran ID104A, apakah kesannya kes pendakwa terhadap tertuduh kedua? TPR mengakui bahawa tiada keterangan lain dikemukakan oleh pihak pendakwa terhadap tertuduh kedua, kecuali pengakuan salah tertuduh pertama dalam P104A yang membabitkan tertuduh kedua. Mengenai penggunaan pengakuan salah tertuduh pertama terhadap tertuduh kedua, ianya bergantung kepada interpretasi s 30 AK yang menyatakan:

> (1) When more persons than one are being tried jointly for the same offence, and a confession made by one of those persons affecting himself and some other of those persons is proved, the court may take into consideration the confession as against the other person as well as against the person who makes the confession.

[57] Prinsip undang-undang adalah jelas iaitu pengakuan salah seorang tertuduh hanya boleh digunakan terhadap seorang tertuduh yang lain untuk memberi kepercayaan kepada lain-lain keterangan terhadap tertuduh tersebut dalam mempercayai sama ada dia bersalah atau tidak. Mahkamah Rayuan dalam kes *Juraimi bin Husin v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 537; [1998] 2 CLJ 383; [1998] 1 AMR 758 (MR) telah memutuskan seperti berikut:

> The way in which the section must be applied has been fairly worked out in the decided cases. The evidence against an accused must be first marshalled, putting aside the confession of the co-accused. If the court is prepared to convict on the other evidence, it may pray in aid the co-accused's confession to lend assurance to the conclusion of guilt already arrived at. As observed by Raja Azlan Shah LP in *Public Prosecutor v Nordin bin Johan & Anor* [1983] 2 MLJ 221 at p 222:
>
> > *Section 30* provides that this statement may be taken into consideration against the two respondents but on the decided authorities the prerequisite to this is that there must be some cogent evidence against them quite apart from the statement of the third accused.

[58] Berbalik kepada kes di hadapan saya ini, selain daripada PI04A, walaupun 32 orang saksi pendakwaan telah memberikan keterangan, namun tidak ada keterangan yang menjurus dan mengaitkan tertuduh kedua dengan kejadian pembunuhan ini. Dengan yang demikian, berdasarkan prinsip undang-undang yang saya sebut sebentar tadi, pernyataan salah tertuduh pertama P104A tidak boleh digunakan untuk mengaitkan tertuduh kedua dengan ketujuh-tujuh pertuduhan tersebut.

[59] Sebagai kesimpulannya, atas sebab-sebab yang dinyatakan diatas, saya mendapati pihak pendakwa telah gagal untuk membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh kedua bagi semua pertuduhan dan dengan demikian dia dilepaskan dan dibebaskan atas semua pertuduhan tersebut tanpa dipanggil untuk membela diri.

[60] Berbalik kepada tertuduh pertama. Sepertimana yang saya telah nyatakan diatas, pihak pendakwa telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh pertama bagi semua pertuduhan dan dengan demikian dia diperintahkan dipanggil untuk membela diri atas semua pertuduhan tersebut. Mahkamah telah menerangkan kepada tertuduh pertama mengenai ketiga-tiga pilihan, iaitu sama ada dia memberi keterangan secara bersumpah atau memberi pernyataan daripada kandang atau berdiam diri. Setelah berbincang dengan peguamnya, tertuduh pertama memilih untuk membuat pernyataan daripada kandang.

[61] Pada 21 Jun 2006, kes ini telah ditetapkan untuk sambung bicara di mana peguam tertuduh pertama telah memaklumkan kepada mahkamah bahawa semasa beliau mengambil kenyataan daripada tertuduh, beliau mendapati bahawa tertuduh tidak dapat menjawab soalan-soalan secara koheren dan kemungkinan besar beliau menghadapi tekanan jiwa. Peguam tertuduh memohon agar tertuduh pertama dihantar ke Hospital Permai Tampoi untuk pemerhatian. Menurut peguam, terdapat alasan untuk mahkamah membuat satu siasatan sama ada tertuduh berupaya membela dirinya sepertimana yang diperuntukkan di bawah s 342 KPJ. Seksyen 342 KPJ memperuntukkan seperti berikut:

(1) When a Judge or a Magistrate holding a trial has reason to suspect that the accused person is of unsound mind and consequently incapable of making his defence, he shall in the first instance investigate the fact of such unsoundness.

(2) At the investigation it shall not be necessary for the accused person to be present and the Judge or Magistrate may receive as evidence a certificate in writing signed by a Medical Officer to the effect that the accused person is in his opinion of unsound mind or is a proper

person to be detained for observation in a psychiatric hospital, or the Judge or Magistrate may, if he sees fit, take oral evidence from a Medical Officer on the state of mind of the accused person.

(3) If not satisfied that the person is capable of making his defence, the Judge or Magistrate shall postpone the trial and shall remand that person for a period not exceeding one month to be detained for observation in any psychiatric hospital in Malaysia.

(4) The Medical Director of the said psychiatric hospital shall keep that person under observation during the period of his remand and before the expiry of that period shall certify under his hand to the Court his opinion as to the state of mind of that person, and if he is unable within the period to form any definite conclusion, shall so certify to the Court and shall ask for a further remand. Such further remand may extend to a period of two months.

[62] Saya telah menimbangkan permohonan peguam tertuduh pertama dan saya telah memutuskan bahawa bagi tujuan penyiasatan di bawah s 342(1), (2) KPJ bahawa pandangan seorang pegawai perubatan diperlukan dan dengan yang demikian saya telah memerintahkan agar tertuduh pertama diperiksa oleh seorang doktor di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru untuk mendapatkan suatu perakuan bertulis sama ada tertuduh patut ditahan di hospital psikiatrik untuk pemerhatian. Kemudiannya, mahkamah telah menerima satu perakuan bertarikh 23 Jun 2006 yang disediakan oleh Dr Wan Zafidah bt Wan Nawawi. Dalam perakuan itu ('D164B'), dinyatakan bahawa:

LAPORAN PERUBATAN

MD. MASUD RANA MB. MOFIZ UDDIN

KES JENAYAH NO. 45–36, 48, 49, 50, 51, 52, 53–2002

Surat tuan bertarikh 21hb. Jun 2006 dirujuk. Adalah penama telah datang ke Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental, Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru pada 22hb. Jun 2006 bagi tujuan penyiasatan mental penama sekarang.

2. Pada mula sesi temuduga dijalankan penama agak pendiam dan mengambil masa yang agak lama untuk memberikan kerjasama (untuk menjawab soalan-soalan yang diajukan). Walaupun begitu, penama telah memberikan kerjasama yang baik sebelum sesi itu berakhir. Penama boleh memahami penggunaan Bahasa Malaysia yang digunakan dalam sesi tersebut. Penama juga dapat bertutur dalam Bahasa Malaysia yang ringkas bila menjawab soalan-soalan yang diajukan.

3. Setelah diperiksa dan ditemuduga penama telah menunjukkan tanda-tanda penyakit kemurungan (depression) yang bercirikan

dengan rasa sedih yang berterusan, sukar tidur, cepat terasa penat dan sering menangis. Di samping itu, penama juga telah menyatakan hasratnya untuk membunuh diri tetapi belum pasti bagaimanakah caranya. Penyakit kemurungan ini telah bermula semenjak penama ditahan.

4. Penama perlu mendapatkan rawatan bagi penyakit kemurungan yang dihidapi olehnya di Unit Forensik, Hospital Permai, Johor Bahru bagi mengelakkan kejadian bunuh diri yang dinyatakan oleh penama kepada saya.

5. Saya juga telah dimaklumkan, penama telah mendapat pemerhatian di Hospital Permai pada tahun 2003 dimana keadaan mental penama pada tarikh kejadian telah dijelaskan didalam laporan perubatan yang disediakan oleh pakar psikiatri di Hospital Permai pada 3hb. Julai 2003. Oleh itu, keadaan mental penama semasa tarikh kejadian tidak di dalam penilaian saya.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

Saya yang menurut perintah,

t.t

Dr. Wan Zafidah bt. Wan Nawawi

Pakar Psikiatri

Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental

Hospital Sultanah Aminah

Johor Bahru

[63] Berdasarkan daripada perakuan tersebut, saya mendapati terdapat keterangan minimum yang nampaknya menunjukkan bahawa tertuduh pertama tidak berupaya membela dirinya dan dengan demikian perbicaraan wajar ditangguhkan. Selanjutnya, saya telah memerintahkan supaya tertuduh pertama ditahan selama satu bulan untuk pemerhatian di Hospital Permai, Johor Bahru. Penguasa Perubatan Hospital Permai dikehendaki memberi pendapatnya secara bertulis tentang hal keadaan akal tertuduh pertama itu kepada mahkamah dan sama ada tertuduh adalah layak untuk dibicarakan. Tahanan tertuduh di Hospital Permai telah dilanjutkan dari masa ke semasa memandangkan penguasa perubatan yang berkenaan masih lagi membuat pemerhatian terhadap tertuduh. Pada 27 September 2006, tertuduh pertama telah hadir dan mahkamah telah dimaklumkan bahawa satu laporan perubatan bertarikh 28 Ogos 2006 ('D164C') telah disediakan oleh Dr Norazam bin Harun, pakar psikiatri, Hospital Permai, Johor Bahru. Dalam hubungan ini, saya ingin merujuk kepada s 343 KPJ yang menyatakan seperti berikut:

A (1) If the Medical Superintendent shall certify that the accused person is of sound mind and capable of making his defence the Judge or Magistrate shall proceed with the trial.

(2) If the Medical Superintendent shall certify that that person is of
B unsound mind and incapable of making his defence the Court shall, if satisfied of the fact, find accordingly, and thereupon the trial shall be postpone.

(3) The certificate of the Medical Superintendent shall be receivable as evidence under this section.
C

(4) If the accused person is certified to be of unsound mind and incapable of making his defence it shall not be necessary for him to be present in Court during proceedings under this section.

D

[64] Mengikut peruntukan ini, perakuan yang berkenaan hendaklah dibuat oleh seorang penguasa perubatan. Tetapi, seperti yang saya sebut di atas, laporan perubatan bertarikh 28 Ogos 2006 ('D164C') telah disediakan oleh Dr Norazam bin Harun, pakar psikiatri, Hospital Permai, Johor Bahru. Tiada
E keterangan menunjukkan bahawa Dr Norazam juga merupakan penguasa perubatan atau pembantu penguasa perubatan sebuah hospital psikiatri. Dengan yang demikian, saya mendapati laporan psikiatri ini tidak mematuhi kehendak peruntukan s 343(1) KPJ.

F **[65]** Oleh sebab itu, saya telah memerintahkan supaya tertuduh pertama ditahan satu bulan lagi untuk pemerhatian lanjut kerana mahkamah memerlukan laporan yang diperakui oleh penguasa perubatan di bawah s 343(1) KPJ mengenai sama ada tertuduh pertama waras akalnya dan boleh membela dirinya. Pada 15 November 2006, tertuduh pertama dikemukakan
G di mahkamah dan pada hari tersebut juga mahkamah telah menerima satu perakuan ke atas tertuduh pertama bertarikh 14 November 2006 ('D164D') yang diperakui oleh Dr Benjamin Chan Teck Ming, penguasa perubatan/pengarah, pakar perunding kanan forensik, Hospital Permai, Johor Bahru. Dalam laporan tersebut, antara lain, Dr Benjamin telah
H memperakui bahawa tertuduh pertama tidak mengidap sebarang penyakit jiwa dan bahawa tertuduh adalah layak untuk dibicarakan.

[66] Dengan yang demikian, pada hemat saya, terdapat keterangan prima facie yang secukupnya dalam rekod bagi menunjukkan bahawa tertuduh
I boleh dibicarakan pada masa tersebut. Saya berpuas hati adalah wajar di peringkat itu perbicaraan diteruskan. Seterusnya saya telah menetapkan 1 Mac 2007 sebagai tarikh sambung bicara. Pada 1 Mac 2007, peguam tertuduh pertama memaklumkan bahawa tertuduh sekarang mengambil keputusan untuk berdiam diri tetapi akan memanggil seramai empat orang

saksi pembelaan untuk memberi keterangan, yang mana dua daripadanya adalah pakar psikiatri, iaitu Dr Jeyarajah Selvadurai ('SD1') dan Dr Wan Zafidah bt Wan Nawawi ('SD3'). Dalam hubungan ini, ingin saya menyatakan bahawa mengikut prinsip undang-undang, sungguhpun tertuduh pertama memilih untuk berdiam diri, dia masih berhak untuk memanggil lain-lain saksi (sila rujuk *Public Prosecutor v Puteh Nordin & Anor* [1983] 2 MLJ 292).

[67] Saksi pertama pihak pembelaan adalah Dr Jeyarajah Selvadurai ('SD1'). SD1 adalah seorang pakar psikiatri yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang luas hampir 30 tahun dalam bidang psikiatri. Beliau telah menemuduga dan memeriksa tertuduh pertama di penjara Simpang Renggam, Johor sebanyak tiga kali iaitu pada 26 Januari 2007, 8 Februari 2007 dan 15 Febuari 2007, untuk tujuan pemeriksaan psikiatri dan penilaian. Beliau telah mengemukakan laporan pemeriksaan psikiatri ke atas tertuduh pertama bertarikh 28 Februari 2007 ('D164'). Dalam D164 itu, SD1 telah merujuk kepada empat laporan yang lain seperti berikut:

(1) Laporan perubatan Mohd Masud Rana Md Mofizuddin bertarikh 18 Julai 2003 yang disediakan oleh Hospital Permai, Johor Bahru ('D164A');

(2) Laporan perubatan Mohd Masud Rana Md Mofizuddin bertarikh 23 Jun 2006 yang disediakan oleh Dr Wan Zafidah bt Wan Nawawi ('SD3'), pakar psikiatri, Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental, Hospital Sultan Aminah, Johor Bahru ('D164B');

(3) Laporan perubatan Mohd Masud Rana Md Mofizuddin bertarikh 28 Ogos 2006 yang disediakan oleh Dr Norazam bin Harun, pakar psikiatri, Hospital Permai, Johor Bahru ('D164C'); dan

(4) Laporan perubatan Mohd Masud Rana Md Mofizuddin bertarikh 14 Novemer 2006 yang disediakan oleh Dr Benjamin Chan Teck Ming, penguasa perubatan/pengarah, pakar perunding kanan forensik, Hospital Permai, Johor Bahru ('D164D').

[68] Menurut SD1, beliau telah menyediakan laporan D164D berdasarkan daripada temubual dengan tertuduh, penilaian dan 'mini mental state examination' yang beliau jalankan ke atas tertuduh pertama. SD1 dalam keterangannya menyatakan bahawa tertuduh pertama, antara lain, telah memberitahunya perkara-perkara berikut sewaktu beliau ditemuduga. Pada tahun 1994, dia bekerja sebagai operator di Solid Plus Industries. Tertuduh pertama mendapat gaji lebih kurang RM1,000–RM1,500 sebulan dan gajinya itu disimpannya sendiri sehingga tahun 1999 apabila dia telah dirompak. Selepas kejadian rompakan itu, seorang kawan wanitanya bernama Vasagi mencadangkan supaya gajinya disimpan oleh beliau. Selepas daripada

itu, tertuduh pertama telah menyerahkan gajinya kepada Vasagi untuk tujuan simpanan. Vasagi berjanji untuk memulangkan wang tersebut sebelum beliau pulang ke Bangladesh. Keluarga Vasagi mengetahui tentang perkara ini. Tertuduh pertama pernah menemui keluarga Vasagi beberapa kali. Tiga bulan sebelum tertuduh pertama hendak pulang ke Bangladesh, dia telah meminta Vasagi untuk memulangkan wangnya. Vasagi berjanji untuk memulangkannya tetapi sengaja melengah-lengahkannya. Tertuduh juga meminta pertolongan daripada ibu Vasagi untuk mendapatkan wangnya kembali. Tetapi wang itu tidak dikembalikan kepada tertuduh pertama. Menurut tertuduh, ibu Vasagi memberitahunya supaya terus tinggal di Malaysia dan mereka boleh menguruskannya. Tertuduh pertama menyimpan wang itu untuk tujuan pelaburan dalam hartanah apabila dia kembali ke Bangladesh. Tertuduh pertama dan Vasagi adalah kawan rapat dan Vasagi ada melamarnya untuk berkahwin dan dia bersetuju dengan lamaran itu. Tertuduh mempercayai Vasagi dan menyerahkan semua wangnya untuk disimpan dengan selamat. Pada malam kejadian itu dia telah pergi ke rumah Vasagi dengan dua orang kawannya. Setibanya di rumah tersebut Vasagi telah menjemputnya masuk ke dalam manakala kedua-dua kawannya menunggu di luar. Vasagi telah memberinya minuman dan kemudian menjemputnya masuk ke dalam bilik. Sewaktu mereka berada di dalam bilik itu, Vasagi mula menjerit dan menyebabkan ahli keluarga dalam rumah itu masuk ke dalam bilik tersebut. Seorang bapa saudara Vasagi telah memukul tertuduh pertama dengan sebatang kayu dan selepas itu dia tidak dapat mengingatkan kembali apa yang berlaku seterusnya sehinggalah keesokan hari apabila dia mendapati dirinya berada di bilik hostel. Pada masa kejadian itu Vasagi ada menjerit 'pencuri'.

[69] Berdasarkan maklumat yang diberi oleh tertuduh pertama kepada SD1 serta juga 'mini mental state examination', SD1 telah memberikan pandangannya seperti berikut:

1. Md Masud was under severe stress for about 3 months prior to the incident. He had fears that he may not get his money back from Vasagi dan family. He was anxious and depressed at the time leading to the night of incident.
2. Since the incident, he has been suffering from depression as indicated by the following.

— Medical report from Hospital Permai Johor Bahru dated 18.7.2003 that stated his behavior had changed from a happy and friendly person to a quiet, withdrawn and aloof person.

— Medical report by Dr. Wan Zafidah, psychiatrist from Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, that Md. Masud was depressed with symptoms;

— mood, difficulty sleeping, feeling tired easily, crying and had suicidal ideas.

— The other reports just stated that Md. Masud did not suffer from any serious mental disorder with no mention of depression.

3. Md. Masud has been found to have the following symptoms and signs during my examinations:

— Depressed mood with suicidal thought,

— Reduced thought process and form of thought,

— Sleep disturbances,

— Lack of energy and motivation,

— Moderate impairment of his cognitive functions,

— Amnesia — inability to recall the details of the incident.

[70] SD1 seterusnya menyatakan pendapatnya bahawa 'I am of the opinion that Md. Masud is suffering from *associated with Depression*. Dissociative Amnesia (DSM IVF44.0) is the inability to recall important personal information, usually a stressful or traumatic event that is too extensive to be explained by normal forgetfulness. This is usually associated with Depression'.

[71] Pihak pembelaan juga telah memanggil Dr Wan Zafidah ('SD3'). Beliau adalah pakar psikiatri, Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental, Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru. SD3 telah menyediakan laporan perubatan ke atas tertuduh pertama iaitu eksh D164. Dalam laporannya itu, SD3 telah menyatakan bahawa tertuduh pertama telah menunjukkan tanda-tanda penyakit kemurungan (depression) yang bercirikan dengan rasa sedih yang berterusan, sukar tidur, cepat terasa penat dan sering menangis. Menurut SD3 penyakit kemurungan ini telah bermula semenjak tertuduh pertama ditahan. SD3 telah memberikan pandangannya supaya tertuduh pertama diberi rawatan bagi penyakit kemurungan yang dihidapi olehnya di Unit Forensik, Hospital Permai, Johor Bahru bagi mengelakkan kejadian bunuh diri yang dinyatakan oleh tertuduh pertama kepada beliau.

[72] Pihak pembelaan juga telah memanggil En Mohd Saiful Islam ('SD2'). Beliau adalah jurubahasa Bangladesh yang membantu SD1 sewaktu SD1 menemuduga tertuduh pertama di Penjara Simpang Renggam. SD2 mengatakan bahawa beliau menghadapi masalah untuk memahami apa yang dituturkan oleh tertuduh pertama dan SD2 juga menyatakan bahawa beliau perlu mengulangi sesuatu soalan beberapa kali sebelum tertuduh pertama memahaminya.

[73] Saksi pembelaan seterusnya adalah Wong Yuh Lin ('SD4'). SD4 bertugas sebagai seorang kerani am di Syarikat Solid Plus Industries Sdn Bhd, tempat tertuduh pertama bekerja sebelum dia ditangkap oleh pihak polis. Menurut SD4 tertuduh pertama telah mula bekerja di syarikat tersebut sebagai perkerja am sejak tahun 1994. Menurut SD4 tertuduh pertama seorang warganegara Bangladesh yang merupakan seorang pekerja yang baik, sentiasa hadir bekerja dan tidak pernah cuti sakit dan diberi gaji bulanan termasuk elaun lebih masa purata sebulan sebanyak RM1,200 yang dibayar secara tunai setiap dua minggu pada l0hb dan 22hb setiap bulan. Tertuduh pertama, menurut SD4, seorang yang sentiasa gembira dan aktif. Menurut SD4, pada bulan Jun 2001, beliau telah bertanyakan tertuduh pertama sama ada dia ingin menyambung permit kerjanya yang akan tamat pada bulan Ogos 2001. Oleh kerana tertuduh pertama tidak berhasrat untuk menyambung kerjanya, SD4 telah menguruskan pembelian tiket kapal terbang untuk tertuduh pertama pulang ke negaranya. SD4 juga telah berurusan dengan Jabatan Imigresen untuk mendapatkan permit keluar dari Malaysia bagi tertuduh pertama.

[74] Setelah pihak pembelaan selesai memanggil saksi, pihak pendakwa telah membuat permohonan untuk mengemukakan keterangan pematahan (rebuttal evidence) melalui Dr Benjamin Chan Teck Ming, seorang Penguasa Perubatan dan Pengarah Hospital Permai, Johor Bahru. Dr Benjamin Chan juga merupakan pakar perunding kanan forensik hospital yang berkenaan. Pada hemat saya, penggunaan budi bicara kehakiman hendaklah sentiasa digunakan untuk kepentingan keadilan. Perimbangan hendaklah dicapai antara kepentingan tertuduh dan tugas pihak pendakwa membuktikan setiap eleman kesalahan. Hanya dalam hal keadaan yang luar biasa sahaja mahkamah membenarkan pihak pendakwa mengemukakan keterangan pematahan selepas pihak pembelaan menutup kesnya. Bagi menangani permohonan ini, rujukan boleh dibuat kepada s 425 KPJ yang, antara lain, menyatakan bahawa mana-mana mahkamah dalam sebarang peringkat perbicaraan bolehlah memanggil mana-mana juga orang sebagai saksi, dan mahkamah hendaklah memanggil mana-mana juga orang jika didapati keterangan itu mustahak untuk mendapatkan keputusan yang adil terhadap kes itu. Pada hemat saya prinsip undang-undang yang digariskan bagi s 425 KPJ boleh digunakan sebagi panduan. Untuk tujuan ini saya ingin merujuk kepada dua kes. Pertama, kes *Public Prosecutor v Phon Nam* [1988] 3 MLJ 415 di mana Abdul Hamid Pemangku Ketua Hakim berkata:

> *Section 425 Criminal Procedure Code* is clearly divided into two limbs, first: a discretionary provision which provides that the court may, on an application, summon any person as a witness or recall and re-examine any person already examined at any stage of any inquiry, trial or other proceeding under the Code. In exercising the discretion under the first limb, the court clearly must proceed with utmost circumspection especially when there was likelihood of the fresh evidence

proving to be prejudicial to the accused. Second: an imperative provision which requires the court to do so where the court is satisfied that the evidence to be summoned would appear to the court to be essential to a just decision of the case. (See *Mohd Azam v Mohd Iqbal* PLD 1984 Supreme Court 95 with the corresponding section in the *Pakistan Criminal Procedure Code).*

In this regard the court is bound to admit fresh evidence when it appears essential to a just decision of a case. As the powers under this section are very wide it is therefore necessary that great care be taken when exercising such discretion. However, the second limb of this section being an imperative provision the court must give serious consideration to exercising such powers if in so doing a just and proper decision could be arrived at.

[75] Kes yang kedua ialah *Phon Nam v Public Prosecutor* [1991] 2 MLJ 550 di mana Hashim Yeop A Sani Hakim Besar Malaya berkata:

The real object of the exercise of discretion under s 425 of the Code is to enable the court to arrive at a just decision so that the failure to call for the additional evidence would not result in an erroneous acquittal or in an erroneous conviction. The exercise of the discretion is not an arbitrary decision to favour the prosecution or the defence. The discretion is never intended to make 'emergency repairs' to the prosecution case as correctly stated by Mohtar Abdullah J in *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* [1991] 1 MLJ 316.

[76] Dalam kes *Public Prosecutor v Kalaiselvan* [2001] 2 MLJ 157, Augustine Paul H (Yang Arif pada masa itu) telah menerangkan bagaimana budi bicara mahkamah dijalankan mengenai permohonan mengemukakan keterangan pematahan:

The duty of the prosecution is to present completely the evidence upon which it relies to discharge its burden in the course of its case and not split its case by reserving some evidence to be called in rebuttal. As Dawson J said in *The Queen v Chin* (1984) 157 CLR 671 at pp 684–685:

> The prosecution may be permitted to adduce evidence after the close of the defence case in the discretion of the trial judge. The discretion is, however, to be exercised in favour of the prosecution only in exceptional circumstances and the guiding principle is that the prosecution ought not to be permitted to split its case. That is to say, the prosecution must call all the evidence available to it in support of its case during the presentation of that case. If it fails to do so, it ought not to be allowed to remedy the situation by calling evidence in reply except in exceptional circumstances. Beyond saying that exceptional circumstances do not embrace a situation which ought reasonably to have been foreseen by the prosecution or which would have been covered if the prosecution case had been fully and strictly proved, this court has declined, having regard to the multifarious directions which a criminal trial may take, to lay down any rigid formula ...

> Where evidence which the prosecution seeks to call by way of rebuttal is also confirmation of the case which it has sought to make, the trial judge must exercise his discretion to ensure the observance of the principle which finds its expression in the rules which have been laid down: see *Killick*'s case. If the evidence was only of marginal, minimal or doubtful relevance to the prosecution case, it may properly be admitted to rebut the defence case. There is also authority for the proposition that the prosecution may be permitted to reopen its case to repair omissions of a formal, technical or non-contentious nature: see *Archbold's Criminal Pleading, Evidence and Practice* (41st Ed, 1982) pp 4–414, and the cases there cited.

As Gibbs CJ and Wilson J said in the same case at p 676:

> The general principle is that the prosecution must present its case completely before the accused is called upon for his defence. Although the trial judge has a discretion to allow the prosecution to call further evidence after evidence has been given for the defence, he should permit the prosecution to call evidence at that stage only if the circumstances are very special or exceptional and, generally speaking, not if the occasion for calling the further evidence ought reasonably to have been foreseen. The principle applies where the prosecution seeks to call evidence to rebut matters raised for the first time by the defence; if the rebutting evidence was itself relevant to prove the prosecution case (unless, perhaps, it was no more than marginally, minimally or doubtfully relevant: *Reg v Levy and Tait* (1966) 50 Cr App R 198) and the need to give it could have been foreseen it will, generally speaking, be rejected.

[77] Berbalik kepada kes di hadapan saya, pihak pendakwa telah memohon untuk mengemukakan keterangan pematahan bagi tujuan mematahkan keterangan SD1 yang telah memberi pandangan bahawa, 'I am of the opinion that Md Masud is suffering form *Dissociative Amnesia associated with Depression*. *Dissociative Amnesia* (DSM IVF44.0) is the inability to recall important personal information, usually a stressful or traumatic event that is too extensive to be explained by normal forgetfulness. This is usually associated with Depression'. Berhubung dengan permohonan ini, pada hemat saya, persoalan utama adalah sama ada isu *Dissociative Amnesia associated with Depression* telah dibangkitkan oleh pihak pembelaan buat pertama kalinya sewaktu kes pendakwaan ataupun hanya dibangkitkan sewaktu kes pihak pembelaan. Peguam tertuduh pertama telah menarik perhatian saya kepada keterangan SP6 yang diberi sewaktu pihak pendakwa membentangkan kes mereka. Menurut peguam, semasa SP6 disoal balas isu ini telah dibangkitkan seperti berikut:

> Soalan: bolehkah kecederaan yang dialami oleh ketujuh-tujuh si mati disebabkan 'transient provocation of transient insanity'?
>
> Jawapan: saya bukan ahli pakar jiwa, saya tidak dapat menjawapnya.

[78] Di sini ada lima perkara yang perlu diberi perhatian. Pertama, SP6 disoal balas oleh peguam tertuduh pertama secara khusus mengenai, 'transient provocation and transient insanity'. Kedua, SP6 atau mana-mana saksi pendakwa yang lain termasuk pegawai penyiasat SP29 tidak disoal balas tentang *Dissociative Amnesia associated with Depression*. Ketiga, SD1 dalam keterangannya ataupun dalam laporannya ('D164') tidak langsung menyatakan tentang *transient provocation and transient insanity*. Keempat, SD1 secara khusus menyatakan keadaan tertuduh pertama sebagai, *Dissociative Amnesia associated with Depression*. Beliau tidak disoal mengenai *transient provocation and transient insanity*. Kelima, tiada penjelasan dari SD1 tentang hubungkait antara *transient provocation and transient insanity* dan *Dissociative Amnesia associated with Depression*. Dengan yang demikian, berdasarkan semua lima perkara di atas saya berpendapat isu tentang *Dissociative Amnesia associated with Depression* hanyalah dibangkitkan buat pertama kalinya sewaktu kes pihak pembelaan dan isu ini tidak langsung ditimbulkan semasa kes pendakwaan. Pada hemat saya bagi kepentingan keadilan dan demi untuk mencapai suatu keputusan yang adil saya telah membenarkan permohonan pendakwa untuk mengemukakan keterangan pematahan melalui Dr Benjamin Chan Teck Ming ('SP33'). SP33 telah dipanggil untuk memberi keterangan dan beliau telah mengemukakan laporannya bertarikh 14 November 2006 yang ditandakan sebagai D164D seperti berikut:

A B C D E F G H I

> PER: LAPORAN PERUBATAN MD. MASUD RANA MD. MOFIZUDDIN
>
> PASPOT: 0326865
>
> KES TANGKAP: MT(4) 45-36-2002
>
> Adalah dimaklumkan bahawa penama di atas telah dimasukkan ke Hospital Permai, Johor Bahru dibawah seksyen 342(2) Kanun Acara Jenayah di atas tuduhan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan pada 12 Oktober 2006. Kemasukkan kali ini merupakan kemasukkan yang ketiga ke Hospital Permai Johor Bahru dan penama kini masih berada di hospital pada tarikh surat ini.
>
> Kemasukkan pertama: 21/4/2003 - 22/7/2003
>
> Kemasukkan kedua: 28/6/2006 - 5/9/2006
>
> 2. Maklumat mengenai penama telah ditemuduga beberapa kali termasuk satu sesi temuduga yang dijalankan dengan bantuan penterjemah Mahkamah laporan kerja daripada majikanpenamajuga diterima. Pemeriksaan fizikal termasuk ujian darah, pemeriksaan dadah melalui ujian air kencing, imbasan otak (CT scan of the brain) dan juga 'electroencephalogram' (EEG) telah dijalankan. Hasil keputusan semua ujian tersebut adalah normal.
>
> 3. Hasil daripada pemerhatian dan pemeriksaan yang telah dijalankan sepanjang penama berada di hospital, penama tidak mengidap sebarang penyakit jiwa.

4. Penama adalah layak untuk dibicarakan di Mahkamah

Seian untuk makluman pihak tuan.

"Penyayang, Bekerja Berpasukan dan Profesionalisma Adalah Budaya Kerja Kita"

Saya yang menurut perintah,

t.t

(DR. BENJAMIN CHAN TECK MING)

Penguasa Perubatan/Pengarah Pakar

Perunding Kanan Forensik

Hospital Permai

Johor Bahru

[79] Saya akan menyentuh dengan lebih terperinci keterangan SP33 kemudian.

[80] Kini, saya akan menyentuh penghujahan yang dikemukakan oleh peguam tertuduh pertama. Mula-mula, peguam menghujahkan bahawa berdasarkan fakta dan keadaan kes ini tertuduh pertama berhak untuk membangkitkan pembelaan hilang akal di bawah s 84 KK. Peruntukan ini berbunyi saperti berikut:

> Nothing is an offence — which is done by a person who, at the time of doing it, by reason of unsoundness of mind, is incapable of knowing the nature of the act, or that he is doing what is either wrong or contrary to law.

[81] Peruntukan ini menjelaskan bahawa tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang yang, pada masa melakukannya, oleh sebab akalnya tidak sempurna, tidak berupaya mengetahui keadaan perbuatan itu atau bahawa apa yang dilakukannya itu sama ada salah atau berlawanan dengan undang-undang. Prinsip undang-undang menyatakan bahawa beban terletak kepada tertuduh pertama untuk menunjukan bahawa dia seorang yang tidak sempurna akal pada masa melakukan perbuatan itu mengikut peruntukan s 84 KK (lihat kes-kes *Juraimi bin Husin v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 537; [1998] 2 CLJ 383; [1998] 1 AMR 758 (MR); ; *Public Prosecutor v Alang Mat Nasir bin Anjang Talib* [1938] MLJ 153 dan *Jusoh v Public Prosecutor* [1963] MLJ 84). Mengenai standard pembuktian pula, Shankar H (pada masa YA ketika itu) dalam kes *Public Prosecutor v Zainal Abidin bin Mohd Zaid* [1993] 1 CLJ 147 berkata:

> The issue as to whether an accused person was insane in the sense required by s 84 of the Penal Code is a matter for the court. Legal insanity is not for the medical witnesses to decide however eminent they may be. That onus is upon the defence

and it is to satisfy the court on the balance of probabilities only. It can be discharged from evidence adduced from the prosecution or from defence witnesses. It is a lighter burden than that cast upon the prosecution who must prove the charge beyond reasonable doubt.

[82] Persoalan sama ada suatu pembelaan hilang akal berjaya dikemukakan atau tidak adalah suatu perkara untuk pertimbangan dan diputuskan oleh mahkamah. Meneliti semua keterangan yang dibentangkan oleh pihak pendakwa dan juga pembelaan dalam dihadapan saya ini, pada hemat saya, tiada keterangan untuk menyokong hujah peguam supaya tertuduh dibebaskan dari tuduhan bunuh atas alasan hilang akal di bawah s 84 KK. Tiada keterangan pakar perubatan bahawa pada waktu material tertuduh mengidap sebarang penyakit yang menyebabkan dia tidak mengetahui bahawa apa yang dilakukannya adalah salah di sisi undang-undang. Pandangan SD1, jikapun diterima, bahawa 'Md Masud is suffering form *Dissociative Amnesia associated with Depression*. *Dissociative Amnesia* (DSM IVF44.0) is the inability to recall important personal information, usually a stressful or traumatic event that is too extensive to be explained by normal forgetfulness. This is usually associated with Depression', tidak mengaitkan yang tertuduh pertama hilang akal di bawah s 84 KK. Sewaktu pihak pendakwa membentangkan kes di peringkat kes pendakwaan, isu mengenai kehilangan akal tidak pernah dibangkitkan kepada mana-mana saksi pendakwa. Sifat dan mutu keterangan yang dikemukakan oleh pihak pembelaan tidak memberi sokongan kepada pembelaan hilang akal. Dalam hubungan ini, SP33 dalam keterangannya menyatakan bahawa *Dissociative Amnesia associated with Depression*, tidaklah sama dengan *transient insanity*. Dengan kata lain, *Dissociative Amnesia associated with Depression*, bukanlah satu keadaan kehilangan akal. Dengan yang demikian, pada hemat saya, tertuduh telah gagal melaksanakan beban membuktikan bahawa dia hilang akal di bawah s 84 KK ketika melakukan jenayah itu.

[83] Peguam tertuduh pertama juga berhujah bahawa terdapat keterangan di mana tertuduh pertama telah memberitahu SD1, sepertimana yang direkodkan dalam D164, tentang suatu pergaduhan yang berlaku dalam rumah tempat kejadian pada masa yang material. Oleh itu menurut peguam, tertuduh pertama berhak untuk membangkitkan Pengecualian 4 s 300 KK yang menyatakan seperti yang berikut:

Exception 4 — Culpable homicide is not murder if it is committed without premeditation in a sudden fight in the heat of passion upon a sudden quarrel, and without the offender having taken undue advantage or acted in a cruel or unusual manner.

[84] Peruntukan pengecualian ini adalah jelas maksudnya. Ianya menyatakan bahawa mematikan orang dengan salah tidak menjadi kesalahan membunuh orang jika perbuatan itu dilakukan dengan tiada rancangan yang terdahulu dalam suatu pergaduhan yang mengejut tatkala naik perasaan berang apabila berlaku suatu pergaduhan yang mengejut, dan dengan tertuduh itu tidak mengambil peluang yang tidak berpatutan dan tidak bertindak secara kejam atau luar biasa. Untuk tertuduh pertama berhak kepada pembelaan di bawah kecualian ini, antara lain, perlu ditunjukkan bahawa, jika pun suatu pergaduhan yang mengejut telah berlaku, tertuduh pertama tidak mengambil peluang yang tidak berpatutan atau tidak bertindak secara kejam atau luar biasa. Mengenai persoalan ini, keterangan SP6 yang telah menjalankan bedah siasat keatas kesemua tujuh mangsa adalah relevan. Beliau telah memberi keterangan bahawa setiap mangsa telah mengalami luka-luka potong di leher dan di anggota badan lain yang menyebabkan mereka boleh mati dalam tempoh yang singkat. Semua kecederaan tersebut adalah cukup untuk menyebabkan kematian dalam keadaan biasa. Melihat pada kecederaan yang dialami oleh semua si mati dalam kes ini, pada hemat saya, kesimpulan yang tercapai dari semua ini adalah dalam kejadian tersebut tertuduh pertama telah mengambil peluang yang tidak berpatutan dan telah bertindak secara kejam serta luar biasa. Dengan yang demikian, ini mesti bermakna bahawa tertuduh pertama tidak berhak kepada pembelaan di bawah Pengecualian 4 tersebut.

[85] Peguam tertuduh pertama telah mengakhiri hujahnya dengan menyatakan bahawa, 'the surrounding circumstances before and after the accident and the accused state of mind should be given weight by this honourable court. In the circumstances, the charge under s 302 of the PC would not stand and I urge this hounarable court to reduce the charge to one of manslaughter (s 304 PC)'.

[86] Seksyen 304 ini menyatakan:

> Whoever commits culpable homicide not amounting to murder shall be punished —
>
> (a) with imprisonment for a term which may extend to thirty years, and shall also be liable to fine, if the act by which the death is caused is done with the intention of causing death, or of causing such bodily injury as is likely to cause death; or
>
> (b) with imprisonment for a term which may extend to ten years, or with fine, or with both, if the act is done with the knowledge that it is likely to cause death, but without any intention to cause death, or to cause such bodily injury as is likely to cause death.

[87] Peruntukan ini menetapkan hukuman bagi kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh orang. Dalam hubungan ini, peguam tertuduh pertama berhujah bahawa tertuduh mengalami kemurungan dan amnesia semasa kejadian tersebut berlaku pada masa material. Peguam bergantung kepada keterangan SD1 di mahkamah dan juga laporan psikiatrinya ('D164') bertarikh 28 Februari 2007. Sepertimana yang telah saya nyatakan tadi SD1 telah, antara lain, membuat dapatan (findings) bahawa tertuduh mengalami 'Dissociative Amnesia associated with Depression'.

[88] Saya telah menimbangkan dengan teliti dan berhati-hati keterangan SD1 berkaitan dengan persoalan yang dibangkitkan oleh peguam. Untuk tujuan ini, saya telah juga memperhalusi dan menimbangkan keterangan SP33 yang dalam keterangannya mengesahkan bahawa tertuduh tidak mengalami gejala-gejala seperti yang dinyatakan oleh SD1. Menurut SP33, sepanjang masa ketiga-tiga kemasukan ke Hospital Permai, tertuduh pertama didapati tidak mengalami atau mengidap penyakit kemurungan atau depression. Walaupun tertuduh pertama didapati berasa risau terhadap pertuduhan yang dihadapinya, dari segi gejala-gejala utama kemurungan SP33 tidak nampak apa-apa gejala yang serius dan berpanjangan pada diri tertuduh. Bagi seseorang yang mengalami kemurungan, gejala-gejala utamanya mestilah dialami sekurang-kurangnya selama dua minggu. Gejala-gejala utama yang dinyatakan oleh SP33 adalah selaras dengan 'Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders (DSM-IV)' yang diterima pakai di peringkat antarabangsa ('P167'). Menurut SP33 antara gejala utama kemurungan ialah, perasaan/mood sedih yang berkekalan (persistent); cubaan hendak membunuh diri; susah hendak tidur; tidak dapat menumpukan perhatian contohnya semasa membaca, menonton TV dsb; kurang selera makan atau nafsu; berat badan kian menurun; dan tidak dapat terus menjalankan kerja seperti biasa. SP33 menambah, gejala-gejala tersebut bagaimanapun tidak kelihatan pada tertuduh semasa beliau dimasukkan ke Hospital Permai, Johor Bahru untuk sepanjang ketiga-tiga kemasukan (iaitu 21 April–22 Julai 2003, 28 Jun–5 September 2006 dan 12 Oktober–15 November 2006). Pada tempoh-tempoh tersebut tertuduh didapati mempunyai selera makan yang biasa, dapat tidur lena setiap malam, juga dapat mengambil bahagian dalam semua aktiviti pemulihan dan dapat berinteraksi dengan anggota wad dan pesakit-pesakit lain. SP33 pula menjelaskan bahawa sepanjang kemasukan tertuduh di Hospital Permai, tertuduh hanya mengalami amnesia bila tertuduh menyatakan tidak mengingati kejadian yang berkenaan. Tertuduh bagaimanapun tidak menunjukkan kemerosotan fungsi dari segi psikologi dan sosial.

[89] Pada hemat saya, berpandukan garis panduan DSM-IV ('P167'), keterangan saksi-saksi pembelaan sendiri dapat mengesahkan bahawa

tertuduh pertama tidak mengalami kemurungan sepertimana dakwaan pihak pembelaan. Ini dapat dilihat daripada keterangan SD4 yang menyatakan bahawa tertuduh pertama adalah seorang yang sentiasa gembira dan aktif. Dalam keterangannya, SD4 menyatakan bahawa tertuduh pertama tidak mempunyai sebarang masalah semasa bekerja. SD4 menambah bahawa kehadiran tertuduh pertama berkerja adalah memuaskan dan tertuduh tidak pernah tidak hadir kerja. Menurut SD4 lagi, sepanjang yang diketahuinya, tertuduh tidak pernah mengambil cuti sakit. Tertuduh pertama telah bekerja di kilang berkenaan sejak tahun 1994 lagi dan seandainya tertuduh mengalami kemurungan sebelum kejadian bunuh tersebut sudah tentu tertuduh tidak boleh bekerja seperti biasa dan mengalami gangguan dan ketidakseimbangan dari aspek sosial, pekerjaan atau apa-apa perkara penting yang lain yang berkaitan.

[90] Tambahan lagi, seandainya tertuduh pertama mengalami kemurungan dan 'Dissociative amnesia' sudah tentunya tertuduh tidak dapat menjelaskan atau menceritakan satu persatu peristiwa pembunuhan tersebut dalam pernyataan beramarannya ('P101A'). P101A telah diambil beberapa hari selepas kejadian, dan jelas bercanggah dengan keterangan yang diberikan oleh SD1 terutamanya tentang tertuduh tidak dapat mengingati peristiwa pembunuhan yang dilakukannya bersama rakan sepenjenayah di tempat kejadian. Pada hemat saya, pembelaan yang dibangkitkan oleh tertuduh pertama bukan sahaja diada-adakan tetapi juga tidak mewujudkan satu keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Pada hemat saya, tertuduh pertama tidak mungkin mengalami kemurungan yang melampau selama tiga bulan sebelum kejadian disebabkan kebimbangan wang yang disimpan oleh Vasagi tidak akan dikembalikan kerana ianya bercanggah dengan keterangan SD4 yang telah saya huraikan tadi. Keadaan tertuduh pertama sebelum kejadian ini seperti yang dinyatakan oleh SD4 menunjukkan, pada hemat saya, tertuduh tidak memenuhi kriteria untuk episod kemurungan utama (criteria for major depressive episode). Keadaan ini juga dijelaskan oleh SD3 dalam keterangannya di mahkamah. Pada 22 Jun 2006, SD3 telah menemuduga tertuduh pertama dan mendapati tertuduh rasa sedih, sukar untuk tidur, cepat penat dan sering menangis. Menurut SD3 rasa sedih dan sering menangis yang dialami oleh tertuduh pertama adalah kerana dia banyak berfikir tentang keadaan anak dan isterinya. Manakala kesukaran untuk tidur adalah disebabkan oleh masalah emosi yang dialami oleh tertuduh. Yang jelas sekali, keterangan SD3 menunjukkan bahawa kemurungan yang dialami oleh tertuduh pertama sebenarnya bermula sejak tertuduh ditahan. Oleh itu, pada hemat saya, sekiranya benar terdapat tanda-tanda kemurungan pada tertuduh, ianya berlaku selepas kejadian pembunuhan tersebut.

[91] Pada hemat saya, pandangan dan dapatan SP33 itu dicapai berdasarkan temuduga dan pemerhatian yang intensif terhadap tertuduh sewaktu tertuduh ditahan di Hospital Permai. SP33 dan pakar-pakar psikiatri yang lain serta pembantu yang berkelayakan telah memerhati dan meneliti tingkah laku tertuduh, corak tidurnya serta juga emosi-emosinya. Ini adalah berbeza sama sekali dengan penilaian dan pemeriksaan yang dijalankan oleh SD1. SD3 menemuduga dan memeriksa tertuduh pertama hanya pada 26 Januari 2007, 8 Februari 2007 dan 15 Februari 2007 di Penjara Simpang Renggam. Saya tidak mempertikaikan kepakaran, kebolehan dan juga pengalaman luas SD1 dalam bidang psikiatri. Namun, pada pandangan saya, temuduga dan pemerhatian SD1 ke atas tertuduh telah dijalankan dalam keadaan dan tempoh masa yang amat terhad jika dibandingkan dengan apa yang dijalankan oleh pihak SP33 dan pakar-pakar yang lain di Hospital Permai. SP33 telah mengemukakan fakta dalam keterangannya bagi menyokong dapatannya. Oleh kerana itu saya lebih cenderung untuk menerimapakai pandangan, dapatan serta laporan SP33 terhadap tertuduh. Memang tertuduh pertama berhak untuk berdiam diri dan tidak memberi keterangan. Namun begitu, dakwaan tertuduh pertama bahawa dia mengalami perasaan murung serta lupa tidak dapat disahkan kebenarannya memandangkan tertuduh sendiri tidak memberi keterangan; penyataan-penyataan yang diberikan olehnya kepada SD1 tidak tertakluk kepada pemeriksaan balas bagi menentukan kebenarannya.

[92] Pada hemat saya penglibatan tertuduh pertama dalam melakukan jenayah pembunuhan ini menjadikan ianya suatu peristiwa yang begitu traumatik kepada dirinya sendiri sehingga dia ingin melupakannya atau berpura-pura lupa untuk mengingati setiap detik peristiwa tersebut. Kesimpulan yang tercapai daripada semua ini, pada hemat saya, walaupun jika ada 'Dissociative Amnesia associated with Depression' pada tertuduh pertama, ianya terjadi selepas kejadian pembunuhan tersebut dan tidak boleh berlaku sebelum daripada kejadian itu.

[93] Setelah memperhalusi dan menimbangkan dengan teliti semua keterangan, pada hemat saya, adalah jelas bahawa pada masa kejadian, tertuduh pertama tidak mengalami apa-apa gejala 'Dissociative Amnesia associated with Depression' dan tertuduh pertama tidak mengalami apa-apa penyakit mental yang boleh mengakibatkan sebarang keganjilan pada minda yang melemahkan imbangan mentalnya sehingga menjejaskan kemampuan fikirannya untuk melakukan sesuatu. Oleh yang demikian, ini mesti bermakna bahawa tertuduh pertama sedar apa yang telah dilakukannya ke atas mangsa-mangsa pembunuhan dalam kes ini pada masa yang material.

[94] Di akhir perbicaraan, menurut s 182 KPJ, mahkamah hendaklah menimbangkan kesemua keterangan yang dikemukakan sebelumnya dan

hendaklah memastikan sama ada pihak pendakwa telah membuktikan kesnya sehingga tiada keraguan munasabah. Jika mahkamah mendapati bahawa pendakwa telah membuktikan kesnya sehingga tiada keraguan yang munasabah, mahkamah hendaklah mendapati tertuduh bersalah dan dia hendaklah disabitkan ke atasnya.

[95] Selepas menimbangkan kesemua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa dan pembelaan serta juga penghujahan oleh kedua-dua peguam dan TPR, saya memutuskan seperti berikut:

a Pernyataan beramaran ('P101A') yang dibuat oleh tertuduh pertama telah dibuat secara sukarela.

b Kandungan pernyataan beramaran ('P101A') yang merupakan pengakuan salah adalah benar.

c Menjadi keputusan saya bahawa pendedahan yang dibuat oleh tertuduh di dalam pengakuan salahnya ('P101A') adalah bukan terhasil daripada minda yang diakibatkan atau dijangkiti oleh mana-mana penyakit mental.

d Menjadi keputusan saya bahawa selepas menimbangkan sifat dan keadaan kecederaan yang dialami oleh ketujuh-tujuh mangsa dan bilangan luka sebagaimana yang dijelaskan oleh Dr Shahidan b Md Noor, pakar patologi forensik ('SP6'), tertuduh pertama mempunyai niat bersama hendak menyebabkan kematian.

e Menjadi keputusan saya bahawa tertuduh pertama pada masa berlaku kesalahan tersebut, tidak mengalami apa-apa penyakit mental yang boleh mengakibatkan sebarang keganjilan pada minda yang melemahkan imbangan mentalnya (mental responsibility).

f Menjadi keputusan saya bahawa keterangan pihak pembelaan secara keseluruhannya tidak berjaya membangkitkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kebenaran keterangan pihak pendakwa.

g Pada keseluruhannya, pihak pendakwa telah berjaya membuktikan melampaui batasan keraguan yang munasabah di atas ketujuh-tujuh pertuduhan tersebut terhadap tertuduh petama.

h Menjadi keputusan saya bahawa sebarang keputusan yang lain adalah bertentangan dengan perimbangan keterangan.

[96] Oleh itu, saya memutuskan bahawa tertuduh pertama bersalah di atas kesemua pertuduhan tersebut. Menurut s 183 KPJ jika tertuduh disabitkan kesalahan, mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman menurut undang-undang. Dengan yang demikian, saya menjatuhkan satu-satunya

hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang iaitu hukuman mati mandatori. Selanjutnya, saya mengarahkan tertuduh pertama digantung pada leher sehingga mati.

[97] Sebelum menutup, saya ingin merakamkan penghargaan saya terhadap peguam-peguam tertuduh pertama dan kedua yang bijaksana, En S Vijayaretnam @ Veizay dan En Norman Joseph Fernandez serta juga timbalan pendakwa raya yang bijaksana, En Abdul Rasid bin Sudin dan En Mohd Nordin bin Ismail di atas segala penyelidikan, penghujahan dan pengendalian kes masing-masing dengan berhati-hati, cermat dan teliti. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan ke atas setiap pegawai polis, yang terlibat di dalam penyiasatan kes ini dan secara khasnya saya ingin menyebut pegawai penyiasat Superintendent Zainal Rashid bin Hj Abu Bakar ('SP29').

Tertuduh pertama dihukum dengan hukuman mati.

Reported by Masrifah Ravendran